

v*, X

J©- PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 05 OKTOBER 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA.**

Soalan No : 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. DATO' SHAMSUL ANWARBIN NASARAH**
TARIKH **O5.H0.2011**
SOALAN

Dato' Shamsul Anwar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan: -

- (a) Apakah usaha Kementerian bagi memastikan pelajar sekolah memahami sejarah negara, menghargai perpaduan dan sayangkan negara; dan
- (b) Apakah Kementerian berpuas hati dengan penekanan mata pelajaran Sejarah di sekolah sekarang dan apakah cadangan untuk mengkaji semula fakta sejarah dalam sistem pendidikan negara sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima (7) pertanyaan yang menyentuh isu berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah pada persidangan kali ini. Oleh kerana isu sejarah sedang hangat diperkatakan di segenap lapisan masyarakat, dan secara tidak langsung telah menyentuh proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sejarah di sekolah. Oleh itu, izinkan saya untuk memperjelaskan dan seterusnya menjawab secara serentak pertanyaan-pertanyaan yang

telah diajukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut adalah:

1. Y.B. Lenggong	(05.10.2011)	-
2. Y.B. Pasir Salak	Hari	ini
3. Y.B. Paya Besar	(10.10.2011)	
4. Y.B. Jempol	(18.10.2011)	
5. Y.B. Sibuti	(03.11.2011)	
6. Y.B. Kuala Krau	(09.11.2011)	
7. Y.B. Rembau	(23.11.2011) dan	
	(01. 12. 2011)	

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendidikan sejarah telah melalui satu tempoh yang sangat panjang dalam sistem pendidikan negara. Bermula dikenali sebagai mata pelajaran Tawarikh seawal tahun 1956 sehingga 1978 ianya kemudian ditukar kepada mata pelajaran Sejarah sehingga sekarang. Dalam tempoh hampir 22 tahun, pelbagai usaha dan penambahbaikan telah dilakukan terhadap kurikulum dan sukatan mata pelajaran tersebut tanpa menyimpang daripada matlamat asal mata pelajaran ini iaitu untuk memastikan setiap murid dapat memupuk dan memperkukuh semangat setia, perpaduan, dan kekitaan bangsa serta negara Malaysia selain mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.

3. Apabila Kurikulum Baru Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula di perkenalkan secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tingkatan 1 pada tahun 1989, mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari dan diambil oleh murid dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala di peringkat pendidikan rendah, mata pelajaran ini diajar secara merentas kurikulum dalam mata pelajaran Kajian Tempatan ketika murid-murid di Tahap Dua iaitu Tahun 4, 5 dan 6 dan diuji secara Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR). Di peringkat pengajian tinggi pula, umpamanya kemasukan hampir ke semua kursus yang ditawarkan ke Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), calon-calon mestilah memiliki sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran ini di peringkat SPM. Mata pelajaran ini juga wajib diikuti oleh semua guru-guru praperkhidmatan dalam kursus persediaan Program Ijazah sarjana Muda Pendidikan termasuk calon-calonambilan khas lepasan UEC.

4. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran ini amat penting bagi memastikan modal insan yang dilahirkan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan **tidak buta sejarah**, menghargai, menyayangi, patriotik dan seterusnya memahami bagaimana terbentuknya sebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Langkah Kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran **wajib lulus** dalam peperiksaan SPM mulai tahun 2013 juga merupakan satu langkah yang tepat dan selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan

Kebangsaan, agar modal insan yang dilahirkan mempunyai ilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

5. Selain itu, untuk memastikan generasi muda dapat dibentuk dan didedahkan dengan pengetahuan sejarah di peringkat awal persekolahan lagi, **Kementerian telah memutuskan supaya mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah akan diperkenalkan mulai 2014 di Tahap II, Tahun 4 secara berperingkat-peringkat. Manakala untuk melihat pencapaian murid terhadap mata pelajaran ini, murid-murid akan dinilai melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sepenuhnya.** Ini adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan generasi baru yang tidak mudah terpengaruh dengan dakwah pihak-pihak yang berkepentingan tertentu, malah berupaya untuk membuat pertimbangan tepat berlandaskan ilmu pengetahuan yang dipelajari.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Apabila isu sejarah ini mula diperdebatkan oleh pelbagai pihak sama ada di pentas politik ataupun secara akademik, Kerajaan melalui KPM sebenarnya telahpun mengorak langkah lebih awal. Ini termasuklah menubuhkan **Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah pada 3 Mei**

2010. Jawatankuasa tersebut dipertanggungjawabkan untuk menilai semula kurikulum dan kandungan buku teks Sejarah yang digunakan sekarang serta mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian.

7. Sehingga kini, Jawatankuasa berkenaan telah bermesyuarat sebanyak (3) kali dan mengadakan tiga (3) perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam usaha untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat, komen serta pandangan dari pelbagai kaum dan etnik di negara ini. **Penemuan awal Jawatankuasa mendapati bahawa kurikulum yang sedia ada masih relevan tetapi ia perlu diperinci, diperluas dan disusun semula skopnya supaya lebih jelas dan mudah difahami oleh murid.** Selain itu, kaedah dan teknik P&P perlu dipelbagaikan supaya menarik minat murid-murid untuk mempelajari, memahami dan menghayati mata pelajaran tersebut. Namun demikian, sebelum sebarang tindakan susulan diambil Kementerian, perkara-perkara ini perlu diteliti secara komprehensif supaya penambahbaikan yang bersesuaian boleh dilaksanakan. Jawatankuasa ini dijangka akan mengemukakan satu laporan lengkap kepada saya selewat-lewatnya pada bulan Mei **2012**.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pelbagai langkah telahpun diambil bagi memastikan P&P di sekolah, termasuk untuk mata pelajaran Sejarah dilaksanakan dengan berkesan dan mampu memberi impak yang signifikan kepada pembangunan modal insan secara holistik. Program-program

peningkatan kecekapan dan kemahiran bagi para guru yang bertindak sebagai agen penyampai di peringkat sekolah telah dirangka dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

9. Antara program tersebut termasuklah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang diperkenalkan mulai 9 Oktober 2011, bagi lima mata pelajaran termasuklah mata pelajaran Sejarah untuk memastikan semua guru dapat didedahkan dengan maklumat yang terkini dan betul, serta mampu bertindak sebagai pakar rujuk di peringkat sekolah. **KPM juga telah memperkenalkan satu program khusus bagi opsyen Sejarah di IPGM. Langkah tersebut dilakukan bagi memastikan bekalan guru opsyen Sejarah sentiasa mencukupi. Program berkenaan mulai dilaksanakan pada pengambilan Jun 2011.** Sebagai langkah tambahan, **satu Buku Panduan Mengajar Mata Pelajaran Sejarah akan digubal** bagi membantu dan memastikan guru-guru dapat melaksanakan P&P dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum juga dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan murid terhadap sejarah. Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dijalankan di semua sekolah seperti pasukan kadet, pengakap, pandu puteri dan unit beruniform yang lain akan memberi penekanan terhadap sukatan yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah, khususnya yang

menyentuh patriotisme. Di samping itu, seperti yang dilakukan sekarang semua sekolah akan terus memperhebatkan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di peringkat sekolah, daerah dan negeri, di samping mengadakan di peringkat nasional. Saya juga mengharapkan semua sekolah mewujudkan sudut Sejarah atau galeri Sejarah dan melaksanakan aktiviti koakademik yang berkaitan seperti debat, pidato, drama, sajak dan sebagainya agar dapat membangkitkan semangat, minat dan penghayatan murid terhadap mata pelajaran ini. Untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan, saya telah meminta pihak Kementerian meneliti dan mengkaji jumlah **Geran Perkapita (PCG) mata pelajaran ini bagi setiap murid supaya bersesuaian dengan kehendak dan keperluan aktiviti berkenaan.**

Tuan Yang di-Pertua,

11. Usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh Kementerian merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat. Justeru, apa yang lebih penting adalah aspirasi negara untuk menjadikan rakyat memahami dan menghayati sejarah dengan lebih tepat, supaya mereka dapat merasai dan menghargai segala usaha dan perjuangan yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu dalam membina negara. Oleh itu, saya menaruh harapan yang tinggi, melalui perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan, sudah pasti hasrat untuk melahirkan generasi mampu berfikir, menimbang, menilai dan menangkis pandangan-pandangan

yang tidak tepat dan tidak betul oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda untuk kepentingan peribadi dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN 1J2

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]
TARIKH 5 OKTOBER 2011 [RABU]

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah berperanan di dalam memudahkan urusan perbicaraan di Mahkamah Syariah dan apakah usaha yang dilakukan oleh JKSM dari sudut penggubalan kaedah, arahan amalan dan pekeliling bagi mempercepatkan perbicaraan di Mahkamah Syariah.

JAWAPAN: (Y.B SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah (JKSM) sentiasa melaksanakan pelbagai langkah dalam memudahkan urusan perbicaraan di Mahkamah Syariah. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

1. Menetapkan KPI Menteri bagi pengurusan kes perceraian yang tertunggak selama tiga (3) tahun di Wilayah Persekutuan dapat diselesaikan 100% pada tahun 2011
2. Menetapkan KPI yang dipersetujui seluruh Mahkamah Syariah negeri bagi pengurusan kes Mai dan Jenayah
 - kes mal diuruskan dari tarikh permohonan kes diterima hingga diselesaikan dalam tempoh 180 hari;
 - kes jenayah diuruskan dari tarikh permohonan kes diterima hingga diselesaikan dalam tempoh 180 hari; dan
 - kitaran masa kes faraid diuruskan dari tarikh pendaftaran hingga perintah faraid dikeluarkan dalam tempoh 30 hari.
 - kitaran masa kes rayuan diuruskan dari tarikh notis rayuan difailkan hingga keputusan rayuan disampaikan kepada mahkamah yang kesnya dirayu ialah dalam tempoh 180 hari.
3. Proses Penyelesaian kes melalui Majlis Sulh
4. Pemakaian Aplikasi E-Syariah dalam Pengurusan Kes
5. Pelancaran Buku Panduan Proses Perceraian di Mahkamah Syariah
6. Khidmat nasihat Perbicaraan , Bahagian Sokongan Keluarga

7. BSK Transit
8. Latihan Kepada Hakim dan pegawai mahkamah untuk menambah kemahiran dan kecekapan mengurus kes sebelum perbicaraan dan semasa perbicaraan.
9. Pelantikan hakim Wanita

Sesungguhnya Kerajaan percaya, usaha mempercepatkan perbicaraan sesuatu kes tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada usaha pihak mahkamah sahaja, kerana proses perbicaraan tidak sama dengan proses permohonan sesuatu dokumen seperti lesen. Oleh itu, penyebaran maklumat berkaitan proses di mahkamah memerlukan kerjasama semua pihak iaitu para peguam, pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kes, saluran media dan pihak-pihak NGO.

Mengenai usaha-usaha oleh JKSM dari sudut pengubalan kaedah, arahan amalan dan pekeliling bagi mempercepatkan perbicaraan di Mahkamah Syariah, sukacita dimaklumkan sejak tahun 2000 hingga tahun 2010, JKSM bersama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri telah merangka dan meluluskan sebanyak 125 arahan amalan dari pelbagai sudut pengurusan bermula dari pendaftaran kes, pengurusan fail dan tatacara pengendalian kes oleh hakim-hakim, pengurusan rekod selepas perbicaraan termasuk juga etika hakim dan peguam syarie.

Keseluruhan arahan amalan tersebut telah disahkan oleh Ketua Hakim Syarie negeri-negeri sebagai arahan amalan negeri-negeri yang wajib dipatuhi oleh semua pengamal undang-undang. Sebanyak enam(6) arahan

amalan yang terkini dikeluarkan pada tahun 2010.

Bagi menjamin keberkesanan arahan amalan yang dikeluarkan dan mencapai objektifnya, pihak JKSM telah melaksanakan audit pemantauan amalan arahan amalan pada setiap tahun bermula tahun 2009 hingga kini. Laporan tersebut dibincangkan dan diambil perhatian di dalam mesyuarat Ketua Hakim Syarie setiap 4 bulan sekali.

Pihak JKSM juga sentiasa mengenal pasti kekurangan panduan dan peruntukan-peruntukan undang-undang yang terlalu umum. Bagi tujuan tersebut, lapan kaedah telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Kaedah Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada tahun 2010 untuk melancarkan perjalanan perbicaraan dan seterusnya menjadi panduan kepada hakim-hakim syarie bagi menjamin perkhidmatan yang diberi sentiasa efisien dan berkesan. Kaedah-kaedah tersebut ialah:

- a) Kaedah Hakam;
- b) Kaedah Perceraian Khulu’;
- c) Kaedah Perceraian Fasakh;
- d) Kaedah Perceraian Ta’lik;
- e) Kaedah Sumpah Syar’ie;
- f) Kaedah Pengesahan Nikah yang berlawanan Undang- undang;
- g) Kaedah pengesahan Lafaz Cerai; dan
- h) Kaedah Sebat Mahkamah Syariah

Sekiranya terdapat apa-apa persoalan dan kelonggaran pengurusan, pihak JKSM juga akan mengeluarkan pekeliling atau surat pekeliling Ketua Pengarah kepada Ketua Hakim Syarie Negeri bagi tujuan pengesahan di negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

TARIKH 05 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) jumlah warga asing yang telah diberikan dokumen IMM13, (khususnya di negeri Sabah), sejak tahun 2000, menurut pecahan negara asal mereka; dan
- (b) dimanakah mereka ini ditempatkan dan jumlah yang dibelanjakan oleh

Kerajaan bagi maksud ini, serta jumlah yang ditampung oleh sumber lain seperti UNCHR.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman YB, tidak ada dokumen IMM13 diberikan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah. Walau bagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia ada mengeluarkan dokumen IMM13 kepada dua kumpulan masyarakat asing di Sabah iaitu Pelarian Cina-Indonesia dan Pelarian Perang Selatan Filipina. Pemberian dokumen kepada kedua-dua kumpulan pelarian ini adalah dibuat atas dasar perikemanusiaan dan untuk itu mereka telah diberi pengecualian pasport oleh kerajaan untuk tinggal sementara di Sabah dan Labuan. Berdasarkan rekod, sebanyak 81,000 IMM13 telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Sabah pada tahun 2009 kepada Pelarian Perang Selatan Filipina dan Pelarian Cina-Indonesia. Pengeluaran dokumen IMM13 juga dibuat kepada kanak-kanak yang dipisahkan dari dokumen IMM13 ibu bapa mereka setelah kanak-kanak itu mencapai umur 13 tahun.

- b) Untuk makluman, terdapat 6 skim penempatan Pelarian Perang Selatan Filipina yang dibangunkan oleh pihak UNHCR dan diwartakan oleh kerajaan negeri Sabah. 6 Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Filipina tersebut ialah di Kg. Hidayat di Tawau, SPMP Kg. Selamat di Semporna, SPMP Kg. Bahagia di Sandakan, SPMP Kg. Kinarut di Kota Kinabalu, SPMP Kg. Telipot di Kota Kinabalu dan SPMP Kg. Muslim di Labuan. Namun begitu, 6 pusat penempatan yang didirikan atas perbelanjaan UNHCR pada

tahun 1970an tidak mampu menampung jumlah yang besar

itu. Justeru, ada di kalangan mereka yang terpaksa tinggal di luar kawasan penempatan dan mendirikan rumah-rumah di kawasan setingan. Manakala Pelarian Cina-Indonesia yang rata-rata tinggal di kawasan bandar berjaya diasimilasikan dengan masyarakat cina tempatan seperti di bandar Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN SIM TONG HIM KOTA

TARIKH

MELAKA 5 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) kos keseluruhan bagi projek membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Parlimen dengan memberikan pecahan untuk setiap kerja tertentu; dan
- (b) nyatakan kemudahan tambahan akan diperolehi selepas projek ini dan berapakah jumlah kerusi tambahan Ahli Parlimen dapat disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahii-Ahli Dewan Yang Mulia ini, anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan kerja-kerja membaik puilh dan menaik taraf Kompleks Bangunan Parlimen ialah sebanyak RM520 juta. Projek ini akan dilaksanakan secara konvensional melalui 3 fasa seperti berikut:

- (a) Fasa 1, dibahagikan kepada Fasa 1A dan IB:
 - (i) Fasa 1A, iaitu melibatkan kerja-kerja membaik puilh dan mengubahsuai Dewan Serbaguna sedia ada sebagai Dewan Persidangan sementara dan kerja-kerja yang berkaitan. Fasa 1A ini telah dimuiakan pada 28 Mac 2011 dan siap dalam tempoh kurang dari 6 bulan, iaitu pada 5 September 2011. Kontrak asal bagi pelaksanaan projek fasa ini ialah sebanyak RM28 juta. Walau bagaimanapun, kos projek ini telah meningkat kepada RM31 juta berikutan terdapat tambahan kos sebanyak RM3 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja di luar skop asal kontrak (*variation order*) dan
 - (ii) Fasa IB, iaitu melibatkan pembinaan blok baru Pejabat Pentadbiran Parlimen setinggi 3 tingkat berkeluasan 9,000 meter persegi yang akan menempatkan lebih kurang

seramai 200 pegawai dan kakitangan Jabatan Parlimen. Anggaran kos yang terlibat ialah sebanyak RM92 juta. Fasa 1B ini dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2012 dan dijangka siap pada bulan Disember 2013 (18 bulan);

- (b) Fasa 2, iaitu kerja-kerja mengubahsuai dan membaik pulih Bangunan Utama Parlimen sedia ada, termasuk Blok Menara. Anggaran awal kos bagi pelaksanaan fasa ini ialah sebanyak RM180 juta. Walau bagaimanapun kos projek fasa ini tertakluk kepada tahap kerosakan sebenar dan cadangan kerja-kerja baik pulih yang akan diketahui setelah pemeriksaan terperinci dibuat oleh Pasukan Khas JKR.

Skop projek Fasa 2 ini melibatkan kerja-kerja membaik pulih bumbung *pinnacle* Dewan Rakyat, penggantian panel-panel fasad yang telah berkarat, kerja-kerja menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik dan pengubahsuaian ruang dalaman Dewan Rakyat dan Dewan Negara sedia ada dengan mengambil kira keperluan tambahan bilangan kerusi Ahli-ahli Parlimen pada masa depan. Fasa ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan tender

akan dipanggil selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Projek mengubahsuai dan membaik pulih Bangunan Utama Parlimen ini dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2012 dengan tempoh siap kerja ialah selama 41 bulan (siap pada pertengahan tahun 2015); dan

- (c) Fasa 3, iaitu melibatkan pembinaan blok bangunan baru setinggi 5 tingkat dengan keluasan lantai 59,000 meter persegi bagi menempatkan pejabat Ahli-Ahli Parlimen dan fasiliti-fasiliti yang berkaitan, bilik media dan bilik kementerian-kementerian serta kemudahan tempat meletak kereta sebanyak 1,000 petak. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM220 juta. Kerja-kerja pembinaan Fasa 3 ini dijangka akan bermula pada bulan April 2012 dan siap dalam tempoh 24 bulan (April 2014).

Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini;

Cadangan membaik pulih dan menaik taraf Kompleks Bangunan Parlimen ini, khususnya dalam pemilihan lokasi blok bangunan baru, reka bentuk, hiasan dalaman dan sebagainya sememangnya telah dibuat dengan teliti dan mengambil kira pelbagai aspek dan faktor-faktor seperti keselamatan, keselesaan dan kemudahan kepada *stakeholders* terlibat, khususnya Ahli-Ahli Parlimen. Di samping itu, kerja-kerja membaik pulih bangunan bersejarah ini juga perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Warisan, jabatan Warisan Negara iaitu Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Di dalam masa yang sama bangunan tersebut perlu terus dikekalkan sebagai simbol yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat negara ini.

Oleh itu, Kementerian Kerja Raya telah pun mengkaji dan mengambil kira pelbagai pandangan, menerusi sesi-sesi taklimat dan *engagement* yang diadakan dengan pihak-pihak yang terlibat, seperti Jabatan Warisan Negara, YB. Speaker Dewan Negara dan YB. Speaker Dewan Rakyat, pegawai-

pegawai kanan Parlimen dan juga Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Parlimen yang dianggotai oleh wakil Ahli-Ahli Parlimen sendiri. Akhir sekali, memandangkan tempoh kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf keseiuruhan Kompleks Bangunan Parlimen ini dijangka akan mengambil masa yang panjang iaitu sehingga pertengahan tahun 2015, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada semua pihak yang terlibat agar sentiasa bersabar berikutan dari ketidakselesaan yang mungkin akan timbul sepanjang tempoh tersebut.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO* HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [
 KUALA KRAU]

TARIKH 5 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4046

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha positif pelaksanaan
Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Ijin
(6P) di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krau yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan 12 lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Kulai pada hari ini soalan no. 11, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Kapar pada 10 Oktober 2011, Yang Berhormat Seputeh pada 11 Oktober 2011, Yang Berhormat Pokok Sena pada 12 Oktober 2011, Yang Berhormat Tenggara pada 18 Oktober 2011, Yang Berhormat Indera Mahkota pada 19 Oktober 2011, Yang Berhormat Kanowit dan Yang Berhormat Seremban pada 25 Oktober 2011, Yang Berhormat Gua Musang pada 8 November 2011, Yang Berhormat Jempol pada 21 November 2011 dan Yang Berhormat Lawas pada 23 November 2011 kerana semua pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, **Program Penyelesaian Menyeluruh Menangani Pemandatang Asing Tanpa Ijin (PATI)** atau **Program 6P** adalah sebahagian daripada usaha penting dalam agenda Kerajaan untuk memantapkan pengurusan warga asing di negara ini, sekali gus membantu menangani jenayah rentas

sempadan khususnya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Program 6P merupakan satu pakej inisiatif yang menggabungkan beberapa syor yang dikemukakan oleh Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA) dan antara inisiatif awal MPWA yang dilaksanakan dengan memberikan fokus kepada menangani isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada di negara ini. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 22 Jun yang lalu telah memutuskan untuk melaksanakan Program 6P ini yang merangkumi enam proses iaitu **Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran**. Proses Pendaftaran PATI iaitu fasa pertama dalam Program 6P telah dilaksanakan pada 1 hingga 31 Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga tamat tarikh Proses Pendaftaran Program 6P pada 31 Ogos lalu, seramai **2,320,034** orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Sebahagian besar daripada PATI tersebut telah berdaftar dengan Syarikat-Syarikat Pengurus yang dilantik oleh Kerajaan iaitu sebanyak 78%. Hanya 22% PATI yang didaftarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Melalui Program 6P ini, rekod Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan, pekerja asing sah dan PATI warganegara Indonesia merupakan jumlah tertinggi iaitu seramai 1,045,921 iaitu terdiri dari 405,312 pekerja asing sah dan 640,609 PATI.

Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI. Ini diikuti dengan negara Myanmar (257,583), Nepal (255,054) dan India (107,427). Dari segi jantina, jumlah lelaki adalah 977,140 atau 75 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara impak positif pelaksanaan Program 6P adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;
- ii. Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- iii. Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- iv. Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor

ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan

- v. Menangani isu ketirisan dalam pengutipan levi pekerja asing dan sekali gus meningkatkan hasil pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara. Selain daripada inisiatif-inisiatif sedia ada yang dilaksanakan secara berterusan, antara penambahbaikan yang akan digerakkan melalui Program 6P dalam Proses Pemantauan dan Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- i. Menggerakkan secara bersepadu melibatkan semua agensi kerajaan berkaitan termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta JIM selaku agensi penggerak utama;
- ii. Melibatkan badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan lain-lain;

- iii. Mengguna pakai peralatan dan teknologi untuk memantapkan keberkesanan penguatkuasaan termasuk Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Nasional (NERS) yang akan diperkenalkan buat kali pertama. Sistem NERS akan membolehkan status warga asing disemak dalam masa nyata (*real time*) di lapangan melalui teknologi Nexcode. Di antara maklumat yang boleh diakses oleh pegawai penguatkuasaan di lapangan adalah profil warga asing, majikan, gambar, status keberadaan semasa termasuk tempoh sah laku pas dan permit, lokasi tempat tinggal dan tempat bekerja. Sistem ini akan dapat mengelakkan isu pemalsuan dokumen dan identiti. Bagi warga asing yang tidak membawa dokumen pula, status mereka dapat disemak serta merta melalui data biometrik.

SOALAN NO^f (

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA

Y.B. DATO* KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK

PERTANYAAN

KEMANG]

TARIKH

LISAN

05/10/2011

SOALAN

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) apakah Kerajaan telah berjaya melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi teras pertama iaitu mewujudkan 163, 000 peluang latihan dan pekerjaan ; dan
- (b) peratusan peluang pekerjaan yang telah disediakan serta senaraikan sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM60 bilion yang diumumkan pada 10 Mac 2009 bertujuan untuk memastikan agar negara mampu menangani kesan kemelesetan ekonomi global 2008/2009 yang terburuk sejak *the Great Depression* pada tahun 1930an. Pakej Rangsangan tersebut yang dilaksanakan bagi tempoh dua tahun, iaitu 2009 hingga 2010

merupakan pakej yang komprehensif dengan memberi tumpuan kepada empat teras berikut:

Pertama: Mengurangkan Pengangguran dan Menambah

Peluang Pekerjaan;

Kedua: Meringankan Beban Rakyat, terutama Golongan

Mudah Terjejas;

Ketiga: Membantu Sektor Swasta MenghadapiKrisis; dan

Keempat: Membina Keupayaan Masa Depan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi ini telah berjaya mengelakkan negara daripada terjerumus dalam kancuh kemelesetan ekonomi yang sangat mencabar. Malahan, berkat usaha gigih kerajaan serta sokongan padu rakyat dan pihak swasta, ekonomi negara telah kembali puiih dengan pantas, mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 7.2% pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif 1.6% pada tahun 2009.

3. Berikutan prestasi ekonomi yang semakin puiih ketika itu, bilangan kekosongan pekerjaan bagi keseluruhan negara kembali meningkat dengan ketara sebanyak 1,787,221 pada tahun 2010 berbanding 1,546,347 pada tahun

2009. Sementara itu, bilangan pemberhentian kerja turut berkurangan kepada 7,085 pada tahun 2010 berbanding jumlah pemberhentian kerja tertinggi sebanyak 25,064 pada tahun 2009.

4. Di bawah Teras pertama Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, iaitu bagi mewujudkan 163,000 peluang pekerjaan dan latihan, adalah didapati pencapaiannya melebihi sasaran secara keseluruhannya. Mengikut perangkaan terkini, pencapaian peratusan peluang pekerjaan termasuk latihan yang telah disediakan adalah 221,778 atau 137.4%. Peratusan peluang pekerjaan mengikut sektor pula adalah sektor pembuatan (25.5%), sektor perkhidmatan (51.4%) dan sektor awam (23.1%)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada maklumat dan pencapaian di atas adalah jelas bahawa pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi telah berjaya membawa kembali ekonomi negara ke landasan pertumbuhan positif dengan pantas. Perkembangan yang menggalakkan ini turut menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja negara.

SOALAN NO : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

[KANOWIT]

TARIKH

05 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelarian di Malaysia dan berapakah bajet tahunan untuk menguruskan pelarian ini. Apakah faktor yang menyebabkan mereka menjadi orang pelarian.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia merupakan negara yang tidak menandatangani *United Nations Convention Relating to The Status of Refugees 1951* dan *Protocol Relating to The Status of Refugees 1967*. Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan, Malaysia membenarkan PATI yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara sehingga ditempatkan ke Negara ketiga. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya PBB Mengenai "Pelarian" (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga Ogos 2011, terdapat 94,483 *person of concern* di mana 83,993 orang merupakan "pelarian" dan 10,850 pemohon suaka (*asylum seekers*). Kerajaan tidak memperuntukkan sejumlah bajet bagi menguruskan "pelarian" ini memandangkan tiada sebarang kem/depoh disediakan. Walau bagaimanapun, "pelarian" ini juga telah diberikan diskaun 50% caj rawatan perubatan di hospital/klinik kerajaan. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan golongan PATI ini menjadi pelarian, antaranya keadaan keselamatan dan pergolakan politik di negara asal mereka.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 8

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

[HULU LANGAT]

TARIKH : 5 OKTOBER 2011

SOALAN

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bencana alam yang berlaku dalam negara sepanjang lima tahun kebelakangan ini akibat dari perubahan cuaca "climate change".

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebelakangan ini ada

{

beberapa keadaan ekstrem yang telah dihadapi oleh negara, contohnya banjir di beberapa buah negeri termasuk Johor, Sarawak, Perlis dan Kedah, dan juga kemarau.

Peningkatan cuaca ekstrem dan tidak menentu yang menyebabkan bencana alam tersebut telah dipengaruhi oleh kedua-dua faktor pemanasan global (global warming) dan keragaman iklim semulajadi (natural climate variability) yang telah bertindak secara seiringan. Keragaman iklim semulajadi di negara kita banyak dipengaruhi oleh perubahan suhu air laut di kawasan tengah Lautan Pasifik (fenomena El-Nino / La-Nina) dan perubahan suhu air laut di Lautan Hindi yang berdekatan dengan perairan Sumatera (fenomena Indian Ocean Dipole - IOD). Manakala keadaan ini juga ditambah dengan kesan oleh pemanasan global akibat aktiviti manusia yang telah meningkatkan kandungan gas-gas rumah kaca (greenhouse gases) di atmosfera.

Walau bagaimanapun tidak ada bukti saintifik konklusif bahawa kejadian bencana alam ini adalah berpunca semata-mata daripada fenomena perubahan iklim.

Bagaimana pun, Malaysia mengakui bahawa fenomena perubahan iklim sememangnya berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi bagi menangani isu ini selaras dengan matlamat Dasar Perubahan Iklim Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. DATO' NORAINIBINTI AHMAD**
 (PARIT SULONG)

TARIKH **5.10.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) apakah status kajian yang sedang dijalankan Kementerian Pelajaran untuk melakukan rombakan menyeluruh ke atas sistem pendidikan Malaysia (*complete revamp of the existing education system*), dan
- (b) aspek-aspek pendidikan yang manakah yang akan diberikan tumpuan dalam rombakan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan salah satu teras utama dalam pembangunan sistem pendidikan di Malaysia. Peningkatan kualiti pembelajaran menjadi agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membentuk generasi muda negara bukan sahaja menjadi pengguna maklumat tetapi pencipta maklumat dalam usaha merealisasikan hasrat Wawasan 2020. KPM telah mengambil langkah bagi memantapkan lagi hala tuju kurikulum persekolahan rendah dan menengah supaya relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penilaian sistem pendidikan secara menyeluruh sedang dilaksanakan dari segala aspek terutamanya bidang pengurusan seperti dasar, kurikulum, pentaksiran,

struktur persekolahan, kualiti guru dan kepimpinan, sumber manusia, tadbir urus dan pengurusan, infrastruktur dan kemudahan pendidikan.

Laporan penilaian sistem pendidikan ini akan menjadi asas kepada penghasilan pelan pencapaian dan hala tuju pendidikan (*blue print*) Kementerian Pelajaran bagi mencapai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Sistem pendidikan yang dirombak ini bermatlamatkan pembentukan modal insan seimbang yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara di samping berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi ini, murid juga dilengkapkan dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dengan ini generasi yang dilahirkan ini mampu menguasai bidang sains dan teknologi di tahap tinggi, seterusnya menjana idea baru dalam menghadapi cabaran dunia masa kini dan masa hadapan dan mampu bersaing dengan negara lain di peringkat global.

KPM juga sentiasa memastikan bahawa kurikulum pendidikan negara menepati keperluan pasaran kerja dan industri khususnya dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, pembentukan kemahiran dalam Sains dan Teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini bagi menyediakan tenaga kerja yang berupaya berinteraksi dengan dunia luar dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

SOALAN(10)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 5 OKTOBER 2011 (RABU)

DARIPADA Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]

SOALAN

Y.B. DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan daripada 50'000 unit rumah yang akan dibina untuk rakyat berpendapatan rendah, berapa banyakkah diperuntukkan di Bayan Baru dan Balik Pulau.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak menerima sebarang cadangan bagi pembangunan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Bayan Baru dan Balik Pulau. Sungguhpun begitu, Kerajaan sedia menimbang apa jua cadangan perumahan di bawah program ini di masa akan datang.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

too.£OAUk>: 11

HQ.AUM

KIRI a i in. li vT MUI ?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TAN SRI DATO'SERI ONG KA TING [KULAI]
TARIKH 5 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4047

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selepas program pendaftaran biometrik (6P) yang telah mengenal pasti sejumlah 2,320,034 orang pekerja asing, apakah pelan strategik yang akan diambil oleh Kementerian supaya jumlah bilangan pendatang tanpa izin atau pekerja tanpa izin tidak akan bertambah sehingga ianya memudaratkan keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,
#

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang merangkumi enam (6) fasa iaitu Program Pendaftaran bagi mengambil data PATI, membenarkan mereka bekerja di dalam sektor tertentu melalui Program Pemutihan (bergantung kepada polisi semasa) dan membenarkan PATI untuk pulang ke Negara asal mereka dengan dikenakan kompaun minima melalui Program Pengampunan. Manakala golongan PATI yang didapati melanggar undang-undang akan diambil tindakan melalui Program Penguatkuasaan dan Program Pengusiran. Program Pemantauan pula akan dilaksanakan secara berterusan.

Sistem biometrik yang dikenali sebagai *National Enforcement Registration System* (NERS) dan digunakan sebagai kaedah penyimpanan rekod warga asing di bawah Proses Pendaftaran telah dimulakan penguatkuasaannya pada 1 Jun 2011. Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) iaitu fasa pertama dalam Program 6P bermula pada 1 hingga 31 Ogos 2011. Seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah.

Sistem biometrik ini juga merupakan satu sistem kawalan yang dapat mencegah kemasukan warga asing ke negara ini tanpa dikesan, walaupun dengan dokumen atau nama yang berbeza kerana kesan cap jari telah

direkod dan boleh dibuat pengecaman.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia dari masa ke semasa melaksanakan aktiviti penguatkuasaan terhadap warga asing bagi mengesan mereka yang melakukan kesalahan imigresen seperti masuk ke negara ini secara tidak sah dan berada dalam negara selepas tamat tempoh pas.

Di samping itu, sebagai langkah-langkah pencegahan di masa akan datang, Kementerian akan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dihasilkan oleh Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA) dan dipersetujui oleh JKKPA-PATI. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah mengadakan penambahbaikan terhadap sistem-sistem di Jabatan Imigresen iaitu di bawah program MyIMMs. Juga, melaksanakan sistem saringan awal (*Advance Passenger Screening System*) yang menapis data dan rekod seseorang pelawat yang ingin ke negara ini sebelum beliau berlepas dari negara asal.

%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Pertanyaan
Daripada Tarikh
Menjawab Soalan

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN Tuan Er
Teck Hwa [Bakri] 5 Oktober 2011 (Rabu)

No. 12

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pegawai diarahkan ke setiap kilang minyak kelapa sawit untuk mencegah buah kelapa sawit tidak matang untuk proses bagi penghasilan minyak. Nyatakan:-

- (a) bilangan kelapa sawit dirampas sejak bulan Jun dan nilai pasarannya;
dan
- (b) bilangan kilang yang didapati melanggar peraturan tersebut dan apakah polisi ini mencapai sasarannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah program transformasi ekonomi negara, industri sawit merupakan salah satu bidang utama di bawah *National Key Economic Area* (NKEA). Industri ini disasarkan untuk meningkatkan sumbangan kepada *Gross National Income* (GNI) ke paras RM170 billion menjelang tahun 2020 berbanding dengan sumbangan sebanyak RM52.7 billion pada tahun 2009.

Untuk mencapai objektif tersebut, salah satu daripada 8 projek permulaan (*Entry Point Projects* - EPP) adalah berkaitan dengan meningkatkan kadar perahan minyak (*Oil Extraction Rate* - OER). Untuk tujuan ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menempatkan seramai 186 pegawai di kilang-kilang sawit di seluruh negara bagi memastikan buah tandan yang diterima adalah berkualiti dan matang.

Tuan Yang Dipertua,

Dari bulan Jun sehingga Ogos 2011, sebanyak 7.510 tan buah sawit muda telah dirampas di premis kilang buah kelapa sawit. Berdasarkan kepada harga pasaran semasa, nilai pasarannya adalah sebanyak RM1.802,400.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan bagi mencegah buah sawit muda diproses oleh kilang-kilang telah bermula sejak tahun 1997. Untuk tahun ini, kilang-kilang yang melanggar peraturan, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011, adalah sebanyak 23 Kompaun dan 21 Amaran telah dikeluarkan kepada 44 buah kilang kelapa sawit di seluruh Malaysia bagi kesalahan melanggar syarat lesen menerima atau membeli buah sawit muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Bagi memastikan buah-buah muda tidak diproses oleh kilang-kilang, pegawai-pegawai MPOB telah ditempatkan di kilang-kilang sawit bagi memantau kualiti buah sawit yang diterima oleh kilang. Sejak pelaksanaan penempatan pegawai-pegawai MPOB ini, pencapaian purata OER dari bulan Januari hingga Ogos 2011 bagi Semenanjung telah meningkat kepada 20.02% berbanding 19.82% bagi tempoh yang sama pada tahun 2010. Peningkatan OER di Sabah dan Sarawak dijangka akan menunjukkan hasil apabila pegawai-pegawai MPOB ditempatkan di kilang-kilang mulai bulan Ogos 2011.

SOALAN NO.: 13

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATIN LINDA TSEN THAU LIN

[BATU SAPI]

TARIKH : 5 OKTOBER 2011

SOALAN :

Datin Linda Tsen Thau Lin[Batu Sapi] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah pencemaran udara atau jerebu di

negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah jerebu yang berlaku di negara kita adalah berpunca daripada faktor domestik dan faktor luaran iaitu, jerebu merentasi sempadan. Antara punca dalaman termasuk:

- i. pembakaran terbuka;
- ii. pelepasan dari kenderaan bermotor;
- iii. pelepasan dari cerobong industri; dan
- iv. aktiviti kerja tanah.

Pihak Kementerian telah berjaya menangani masalah jerebu yang berpunca daripada pembakaran tanah gambut dengan membina sekatan saluran atau empangan (*check dam*) di kawasan-kawasan gambut yang mudah terbakar di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Sehingga kini, sebanyak 101 *check dams*, 19 *tube wells* dan 3 *watch towers* telah dibina di kawasan-kawasan tanah gambut yang mudah terbakar di enam buah negeri iaitu Pahang, Johor, Selangor, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Sekatan saluran ini adalah bagi mengekalkan paras air untuk mengelakkan tanah gambut menjadi kering semasa musim panas dan kering (lazimnya di antara bulan Jun hingga September).

Dengan cara pengurusan tanah gambut ini, bilangan titik panas atau kes pembakaran terbuka di Semenanjung Malaysia untuk tempoh 1 Januari hingga 4 Oktober 2011 telah dapat dikurangkan kepada 786 titik panas berbanding 826 titik panas untuk tempoh yang sama pada tahun 2010.

Selain itu, bagi mengawal pelepasan dari kenderaan bermotor, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan pelepasan asap dan gas daripada kenderaan bermotor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu jerebu merentas sempadan, satu jawatankuasa yang dipanggil "Sub-Regional Ministerial Steering Committee On Transboundary Haze Pollution" (atau MSC) telah diwujudkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh lima (5) buah negara iaitu, Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand. Forum MSC ini telah mula menunjukkan keberkesanannya apabila pihak Indonesia telah menggubal dan melaksanakan "Pelan Tindakan Indonesia Bagi Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan" (*Indonesia's Plan of Action (POA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution*). Dalam Pelan ini, Kerajaan Indonesia mensasarkan untuk mengurangkan sebanyak 20% bilangan titik panas atau *hotspot* (berdasarkan bilangan *hotspot* pada tahun 2006) setiap tahun mulai pada tahun 2010.

Semasa mesyuarat ke-12 MSC baru-baru ini yang telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 23 September 2011, pihak Kerajaan Indonesia telah menyatakan komitmennya untuk mempertingkatkan lagi usaha bagi menangani masalah pembakaran tanah dan hutan yang menyebabkan pencemaran jerebu merentasi sempadan di rantau ini. Ini adalah berikutan daripada laporan terkini oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang menunjukkan bahawa sasaran peratus pengurangan bilangan titik panas yang ditetapkan dalam Pelan tersebut masih belum tercapai.

Pada mesyuarat MSC tersebut, satu resolusi baru dibuat yang menyeru agar Sekretariat ASEAN memainkan peranan yang lebih proaktif, di

samping meningkatkan pemantauan dan penilaian keberkesanan tindakan-tindakan yang diambil oleh negara-negara ahli dalam menangani masalah jerebu merentasi sempadan.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian akan meneruskan kerjasama dan memainkan peranan aktif dalam forum-forum peringkat serantau berkaitan dengan isu pencemaran jerebu merentasi sempadan seperti yang dinyatakan di atas. Ini adalah perlubagi mengikuti perkembangan dan mengawasi tindakan sertapelaksanaan obligasi yang telah dipersetujui oleh negara-negaraahli.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
TUAN HAJI AHMAD BIN
KASIM [KUALA KEDAH]
05.10.2011(RABU)

TARIKH

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi kenaikan harga barangan pengguna termasuk kenaikan harga petrol dan tarif elektrik yang menekan kehidupan rakyat keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Permintaan dan penawaran ke atas barangan masih merupakan unsur utama di dalam penentuan harga sesuatu barangan pasaran, di samping faktor kos yang mempengaruhi, termasuklah kenaikan harga bahan-bahan input. Kenaikan harga barangan utama adalah disebabkan oleh peningkatan harga pasaran komoditi dunia yang mana ia adalah di luar bidang kuasa kerajaan. Kebanyakan bahan mentah adalah diimport dari negara luar.

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, Kerajaan masih menanggung subsidi bagi barang-barang keperluan supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga barang. Sehubungan itu, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah dan strategi seperti berikut:

- (i) mengawal harga barang kawalan yang merupakan barangan keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan keperluan;
- (iii) Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia yang merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barangan runcit sewenang-wenangnya dan pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barangan tersebut berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka.
- (iv) Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang diwartakan.;
- (v) Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barangan yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (value for money);

- (vi) Memperkenalkan Program Menu Rakyat 1 Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan dengan kerjasama Kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengahari.
- (vii) mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan supaya harga barangan keperluan utama seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan tidak dinaikkan sesuka hati oleh peniaga yang mengambil kesempatan sewaktu musim perayaan;
- (viii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri yang berkaitan bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta supaya industri tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara keterlaluan. Dalam masa yang sama memohon komitmen industri untuk menambahkan bekalan; dan
- (ix) Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan.
- (x) Pengiktirafan Anugerah Kedai Harga Patut kepada premis perniagaan yang menjual barangan keperluan pengguna pada harga berpatutan dan berdaya saing bertepatan dengan kualiti barang serta perkhidmatan yang ditawarkan.

NO- ro AIA^: is"

NO. AUM t-9

NO. AUP-*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP
BUMBURIN
G
[TUARAN]
TARIKH 05 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4048

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa terdapat penduduk Malaysia yang memegang dua kad pengenalan Malaysia yang berlainan dan mengandungi berlainan nama dan nombor. Jika sedar, kenapa perkara seperti ini boleh berlaku.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa kes terpencil yang berjaya dikesan oleh Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara dimana seorang individu memiliki dua pengenalan diri yang berbeza tetapi gambar dan cap jarinya adalah sama.

Perkara ini dapat dikesan setelah JPN melaksanakan sistem biometrik. Melalui sistem ini setiap permohonan yang diproses akan melalui perbandingan cap jari biometrik yang tersimpan dalam pangkalan data JPN. Permohonan tersebut akan *'hit* dengan mana-mana cap jari yang serupa dengan permohonan baru dan pangkalan data tersebut akan memaparkan maklumat kad pengenalan tersebut sekiranya seseorang itu pernah memiliki kad pengenalan lain sebelum ini. Seterusnya tindakan siasatan akan dijalankan bagi memastikan kesahihan pemilik sebenar dan sekiranya terdapat bukti penipuan JPN akan mengambil tindakan perundangan keatas pemohon tersebut.

Perkara ini berlaku kerana pemohon dengan sengaja menggunakan maklumat sijil kelahiran orang lain dengan tujuan menipu JPN. Biasanya pemohon mendapat kerjasama dari penduduk setempat bagi membantunya memperolehi sijil kelahiran tersebut dan seterusnya kad pengenalan. Perkara seperti ini berlaku sebelum JPN melaksanakan sistem biometrik dan sistem memproses secara perkomputeran sepenuhnya. Sehubungan dengan penggunaan sistem biometrik dan pemprosesan secara perkomputeran isu berkaitan dengan penduduk Malaysia yang memegang dua kad pengenalan Malaysia telah dapat diatasi dengan sewajarnya.

SOALAN NO:4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

05/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) sama ada pesawat Airbus A319-11X adalah dimiliki oleh Jet Premier One (M) Sdn Bhd yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd; dan
- (b) sama ada pesawat ini dibeli khas untuk kegunaan Perdana Menteri dan berapakah kos pembelian tersebut serta bilakah membelinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jet Premier One (M) Sdn Bhd (JPO) bukan anak syarikat Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan pemilik pesawat Airbus A319-115X. Syarikat ini hanya menguruskan pesawat tersebut bagi pihak Kerajaan Malaysia.

2. Pesawat Airbus A319-115X dimiliki oleh Penerbangan Malaysia Bhd, sebuah syarikat milik penuh Khazanah dan disewa sejak Ogos 2007 untuk kegunaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri

c

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. DATO' SRI HAJI
ZULHASNAN BIN RAFIQUE
(SETIAWANGSA)

TARIKH 5 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan proses pembangunan kapasiti ketenteraan negara telah menyumbang kepada pembangunan industri berteknologi tinggi di negara ini dan apakah perancangan Kerajaan di dalam tempoh 10-20 tahun akan datang untuk membangunkan lebih banyak lagi usahawan tempatan di dalam industri ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penglibatan Malaysia dalam bidang industri pertahanan bermula sejak tahun 1970-an dan negara kita telah berjaya meningkatkan

keupayaan dalam pelbagai bidang industri pertahanan termasuk dalam sektor pembuatan, penyenggaraan, baik pulih, fabrikasi dan pemasangan komponen. Aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri pertahanan tempatan termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara. Keupayaan berdikari yang merupakan teras pembangunan industri pertahanan negara merupakan hasrat yang jelas untuk melahirkan industri yang berkeupayaan tinggi. Ini bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap pembekal perkhidmatan luar negara.

Hasil dari rundingan program offset telah membolehkan syarikat-syarikat industri pertahanan menerima pemindahan teknologi dan melaksanakan kontrak berkaitan peralatan ketenteraan berteknologi tinggi yang telah dikenalpasti. Sehingga kini, jumlah nilai offset terkumpul adalah berjumlah RM15.676 bilion.

Selain itu, melalui penubuhan Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP), industri pertahanan dijangka akan terus berkembang dengan fokus bukan sahaja kepada aeroangkasa, automotif dan maritim, malah dijangka akan meningkatkan keupayaan bagi industri ICT dan barangan guna sama pertahanan.

Bagi memastikan kelangsungan pembangunan dan peningkatan industri pertahanan tempatan, Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan secara berterusan telah mengkaji dasar-dasar dan garis panduan yang menentukan hala tuju pembangunan industri pertahanan. Kementerian sedang melaksanakan Kajian

Semula *Blueprint* Industri Pertahanan di mana ia turut melibatkan komponen penguatkuasaan dan keselamatan sejajar dengan perkembangan industri pertahanan dan keselamatan global. *Blueprint* ini dijangka dimuktamadkan sebelum akhir bulan November 2011 dan akan dibentangkan untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri. Ia akan menggariskan secara terperinci hala tuju, mekanisma pelaksanaan dan fokus pembangunan industri sehingga tahun 2020.

No Scalar ₩

Ne. ~~Atm-rn~~ Ne.

aup .

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PUAN CHONG
ENG [BUKIT
MERTAJAM]
DARIPADA
05 OKTOBER 2011
TARIKH 4050
**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Seksyen 95 dan juga seksyen
mengenai nafkah dalam Akta Perkahwinan dan Perceraian akan dipinda
supaya hak anak-anak yang terlibat akan lebih terpelihara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahii Yang Berhormat, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) merupakan suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pendaftaran perkahwinan-perkahwinan, tribunal pendamaian, pengupacaraan, serta pendaftaran perceraian.

Berhubung dengan pindaan Seksyen 95 dalam Akta yang sama, Kementerian berpandangan klausa tersebut turut melibatkan peranan dan bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan lain dan memerlukan penelitian secara bersama.

Dalam hak nafkah dan keadilan, perkara ini terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah dan adalah tertakluk kepada kebijaksanaan kepada kedua-dua pihak dalam membentangkan fakta kes semasa perbicaraan kes sivil tersebut.

Oleh itu, tuntutan nafkah oleh pemohon haruslah dinyatakan secara jelas dalam Perintah Mahkamah kerana ia tidak terkandung di dalam Akta kerana Akta ini hanya memperuntukkan bahawa nafkah boleh

diberi kepada anak dan isteri. Dalam hal ini, isu berkaitan jumlah, tempoh pemberian nafkah dan isu lain berkaitan dengannya hendaklah dinyatakan dalam Perintah Mahkamah tersebut.

Sehubungan dengan itu, tiada cadangan dipihak Kementerian untuk meminda Seksyen 95 dalam masa terdekat, walaubagaimanapun pindaan keatas Seksyen ini sedang dalam kajian.

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] 5 OKTOBER 2011
TARIKH (RABU)

SOALAN

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar membantu Bumiputera yang digunakan oleh Kerajaan sekarang. Jelaskan perubahan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang lepas untuk memastikan kelemahan dasar sebelum ini tidak berulang dan juga perubahan yang dibuat untuk mempertingkatkan keberkesanan dasar tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 adalah bermatlamat untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional, iaitu mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Pelaksanaan DEB telah berakhir secara rasminya pada tahun 1990. Walau bagaimanapun matlamat DEB tetap diteruskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun yang seterusnya sehingga yang terkini iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Selain itu, dasar dan polisi Kerajaan yang lain antara lain, seperti Model Baru Ekonomi (MBE), dan Program Transformasi Nasional turut mengambil kira aspirasi dan semangat DEB.

Kerajaan komited dan sentiasa berusaha dalam merangka dan melaksanakan dasar yang sesuai dengan keperluan semasa. Justeru, satu pendekatan baru iaitu pendekatan secara inklusif telah diperkenalkan. Walau bagaimanapun, ianya akan dilaksana berdasarkan kepada empat prinsip utama iaitu mesra pasaran, keperluan, merit dan ketelusan. Penyertaan ekonomi yang saksama meliputi inisiatif bagi menangani penyertaan Bumiputera yang tidak seimbang dalam guna tenaga; pemilikan aset seperti hartanah dan ekuiti korporat; dan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti nilai ditambah tinggi.

Sebagai contoh, dalam sektor ekuiti korporat, sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan kekayaan negara oleh Bumiputera dalam ekonomi akan terus kekal di peringkat makro dan bukannya di dalam setiap syarikat seperti terdahulu. Pendekatan baru ini juga tidak tertakluk kepada ekuiti korporat semata-mata tetapi juga melangkaui aset yang lain termasuk aset nyata dan hartanah, sumber kewangan terkumpul dan pelaburan oleh institusi. Di samping itu, Kerajaan juga memberi keutamaan kepada peningkatan penyertaan Bumiputera di dalam pekerjaan dan profesion yang berpendapatan tinggi yang akan menjadi elemen utama dalam meningkatkan pemilikan harta mereka. Ianya selaras dengan hasrat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan rakyat secara saksama.

SOALAN NO:

20 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.

SANTIAGO

TARIKH: 5 OKTOBER

2011

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan nama dan pertalian (*affiliation*) wakil-wakil yang dilantik untuk menyertai Majlis Perundingan Gaji Negara.

PR-1243-L45495

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan Y.B Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago meminta supaya dinyatakan nama dan pertalian (*affiliation*) wakil-wakil yang dilantik untuk menyertai Majlis Perundingan Gaji Negara, sukacita memaklumkan anggota Majlis Perundingan Gaji Negara telah dilantik mulai 28 September 2011 hingga 27 September 2014. Seramai 25 orang anggota yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, 6 orang wakil

pekerja, 6 orang wakil majikan, 6 orang wakil agensi Kerajaan, dan 5 orang wakil lain telah dilantik secara rasminya oleh YB Menteri Sumber Manusia sebagaimana yang diperuntukan dalam Seksyen 5(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Majlis Perundingan Gaji Negara merupakan satu badan bebas dan dikehendaki adil dan telus dalam menjalankan tanggungjawab. Ianya juga tidak dipengaruhi oleh parti-parti politik.

3. Senarai nama anggota Majlis Perundingan Gaji Negara adalah seperti berikut:-

Penqerusi

YBhg. Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip
Kiong Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
Bekas Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Timbalan Penqerusi

YBhg. Dato' Dr. Syed Mohamad bin Syed Abdul
Kadir Pengarah Kanan Bukan Eksekutif ,CIMB Bank
Berhad Bekas Ketua Setiausaha, Kementerian
Sumber Manusia

Agensi Keraiaan (5 wakil)

1. YBrs. Dr. Sundaran Annamalai Wakil
Kementerian Kewangan (MOF)
2. YBrs. Dr. Mohd. Gazali bin Abas

- Wakil Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. YBhg. Dato'Mat Aron bin Deraman Wakil
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
 4. Encik G. Alagasan
Wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
(MITI)
 5. Encik Mohd Sahar bin Darusman
Wakil Kementerian Sumber Manusia (KSM)

Wakil Pekerja (6 wakil)

1. Encik Mohd Khalid bin Hj. Atan
Presiden MTUC
Timber Employee Union
2. Encik Abdul Halim bin Mansor
Setiausaha Agung MTUC
National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers
3. Encik G. Rajasekaran
Metal Industries Employees Union
4. Encik Andrew Lo Kian Nyan
Setiausaha
Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak
5. Puan Catherine Jikunan
Setiausaha
Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah
6. Encik A. Navamukundan National
Union of Plantation Workers

Wakil Majikan (6 wakil)

1. YBhg. Dato' Azman Shah bin Dato' Seri Haron
Presiden
Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)
2. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Noor bin Ismail Presiden
Malayan Agricultural Producers Association (MAPA)
3. Tuan Hj. Shamsuddin Bardan Pengarah Eksekutif
Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)
4. YBhg. Dato' Henry Lau Lee Kong Setiausaha Agung
Sarawak Timber Association
5. Encik Alan Khoo Choom Kwong Pengerusi
Persatuan Perundingan Majikan Sabah (SECA)
6. Kosong

Ahli Lain-Lain (5 wakil)

1. YBhg. Tan Sri Prof. Emeritus Anuwar bin Ali Presiden/
Naib Canselor
Universiti Terbuka Malaysia (OUM)
2. YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur Ahli Lembaga
Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
3. YBhg. Datuk Marimuthu Nadason Presiden
Federation of Malaysian Consumers Associations
(FOMCA)/ Malaysia Association of Standards Users
4. YBrs. Dr. Zakariah bin Abdul
Rashid Pengarah Eksekutif
Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)
5. Encik Chung Hon Cheong
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad

Penasihat Khas, Lembaga Pengarah Johor Corporation
(JCorp)

Setiausaha

Encik Kua Abun

Setiausaha Bahagian Dasar Sumber

Manusia Kementerian Sumber Manusia

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

TARIKH

5 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan cadangan projek perumahan Generasi Baru FELDA di tanah rancangan bagi membolehkan peneroka dan generasi baru FELDA memiliki rumah yang lebih selesa.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dilaksanakan sebagai usaha membantu generasi peneroka memiliki rumah dengan sempurna. Rumah yang dibina ini berdasarkan konsep mampu milik yang boleh dimiliki oleh generasi baru dengan harga yang ditetapkan di antara RM35,000 hingga RM65,000 seunit.

Pada masa ini FELDA telah pun siap membina PWF di lima (5) buah lokasi iaitu di Taman Mempaga Utama, Taman Bukit Goh, Taman Lepar Hilir Saujana dan Taman Desa Keratong, Pahang dan Taman Pasak Indah, Johor. Kesemua projek yang disiapkan ini mengandungi 2,090 unit rumah dan telah pun diduduki oleh generasi baru. Lima (5) lagi projek masih dalam pembinaan iaitu di Triang 3, Jengka 19, Chini 3, Bandar Pusat Jengka di Pahang, Neram 1 di Terengganu, Chuping di Perlis, Sungai Sibol di Johor dan Chiku 5 di Kelantan yang melibatkan

pembinaan lebih 2,000 unit rumah. Terdapat pimpinan tempatan yang meminta dipindahkan kawasan cadangan perumahan yang sedang dipertimbangkan.

Pada tahun 2012, FELDA bercadang membina lebih banyak rumah untuk generasi baru. Perancangan ini meliputi 11 buah wilayah dan pembinaan ini dijangka melibatkan bilangan rumah yang lebih banyak. Kerajaan dijangka akan membuat keputusan mengenai pembinaan rumah untuk generasi baru dalam sedikit masa lagi. Ini adalah kerana keprihatinan Kerajaan untuk memastikan rakyat terbanyak termasuk generasi baru peneroka dapat memiliki rumah mampu milik.

oooooooooooooooooooo

Soalan No : 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)
TARIKH	5.10.2011

SOALAN:

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan berhentinya PPSMI digantikan dengan PPSMBM, apakah keadaan yang sebenarnya terhadap Matematik, Sains, BM dan BI dan bagaimana rintangan diselesaikan. Apakah matlamat yang dirancangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemansuhan pengajaran dan pembelajaran (P&P) matapelajaran Sains dan

Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diputuskan pada 8 Julai 2009 dan menggantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti P&P Sains dan Matematik itu sendiri dan keupayaan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Bagi meminimumkan kesan daripada perubahan dasar ini, KPM telah memperkenalkan pendekatan *Soft Landing* dalam P&P mata pelajaran Sains dan Matematik. Pendekatan *Soft Landing* ini bermaksud P&P Sains dan Matematik dibolehkan dalam bahasa Inggeris dan/atau bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan (SK) dan sekolah menengah, bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Proses *Soft Landing* ini dibolehkan bagi kohort murid yang telah mengikuti PPSMI di peringkat sekolah rendah dan menengah sehingga mereka tamat persekolahan Tingkatan 5. *Soft Landing* mula dilaksanakan pada tahun 2010 dan akan digerakkan secara beransur-ansur mengikut fasa pelaksanaan MBMMBI. Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga untuk memastikan dasar baru ini dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimumkan permasalahan p&p yang sedang berlangsung sekarang. **Justeru, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1, dibolehkan dalam bahasa Inggeris dan/atau bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan (SK) dan sekolah menengah, bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sehingga kohort terakhir PPSMI yang diangka tamat pada tahun 2020.** Pada masa yang sama, peperiksaan Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah pun dilaksanakan dalam dwibahasa akan diteruskan sehingga kohort ini selesai pengajian mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat dasar MBMMBI adalah untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu. Pada masa yang sama peningkatan penguasaan bahasa Inggeris juga diberi keutamaan agar murid dapat bersaing dan meneroka ilmu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. KPM ingin menegaskan bahawa kedua-dua bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting ke arah melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berketerampilan untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISA
N**
DARIPADA **Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG (SIBUTI)**
TARIKH **5.10.2011**

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian menambah kuota pengambilan graduan untuk program KPLI di Sarawak atau memberi keutamaan kepada graduan Sarawak yang memohon untuk Program KPLI supaya dapat mengatasi kekurangan guru yang serius terutama kawasan luar bandar Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan proses pengambilan calon guru untuk mengikuti program KPLI berdasarkan unjuran keperluan guru mengikut bidang dan jenis sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan calon yang bakal dipilih adalah berdasarkan nisbah 30% calon Sabah: 30% calon Sarawak: 40% calon Semenanjung selain daripada syarat lain yang ditetapkan.

Di samping itu, calon yang berasal dari kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang memenuhi syarat akan diberi keutamaan. KPM turut mengadakan temuduga terbuka bagi Calon Guru Pedalaman Sabah dan Sarawak di bawah program Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

SOALAN NO: 4?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
: [JERAI]**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH :
05/10/2011**

SOALAN

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) yang ada dan namakan ahli-ahli lembaga pengarah serta elaun bulanan yang dinikmati setiap dari mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) tersenarai utama yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC (GLCT) serta butiran ganjaran yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat adalah seperti berikut:

Bil.	GLC	Jumlah Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah Ganjaran RM '000
1	Affin Holdings Bhd	8	1,580
2	Axiata Group Berhad	8	11,687
3	BIMB Holdings Bhd	11	4,229

4	Boustead Holdings Bhd	6	4,496
5	CIMB Group Holdings Bhd	12	18,514
6	Chemical Company of Malaysia Bhd	13	1,058
7	Malaysian Airline System Bhd	14	3,401
8	Malaysia Airports Holdings Bhd	11	1,707
9	Malayan Banking Bhd	11	7,536
10	Malaysia Building Society Bhd	8	755
11	Malaysian Resources Corp Bhd	9	2,370
12	Proton Holdings Bhd	8	3,257
13	Sime Darby Bhd	13	6,752
14	Telekom Malaysia Bhd	13	5,299
15	Tenaga Nasional Bhd	12	3,757
16	TH Plantations	10	2,252
17	UMW Holdings Bhd	9	4,572

Sumber: Laporan Tahunan syarikat bagi Tahun Kewangan terkini

2. Senarai Ahli Lembaga Pengarah terkini GLC-GLC berkenaan adalah seperti berikut:

Affin Holdings Bhd

1. Gen. (B) Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi bin Hj. Zainuddin
2. Tan Sri Dato' Lodin bin Wok Kamaruddin
3. Dr. The Hon. Sir David Li Kwok Po
4. Professor Arthur Li Kwok Cheung
5. Maj. Gen. (B) Dato' Mohamed Isa bin Che Kak
6. Dato' Mustafa bin Mohamad Ali
7. Raja Dato' Seri Aman bin Raja Haji Ahmad
8. Abdul Malik A Rahman

Axiata Group Bhd

1. Tan Sri Dato' Azman Hj. Mokhtar

2. Dato' Sri Jamaludin Ibrahim
3. Dr. Farid Mohamed Sani
4. Tan Sri Ghazzali Sheikh Abdul Khalid
5. Datuk Azzat Kamaludin
6. David Lau Nai Pek
7. Juan Villalonga Navarro
8. Muhamad Chatib Basri

BIMB Holdings Bhd

1. Tan Sri Samsudin bin Osman
2. Johan bin Abdullah
3. Zahari @ Mohd Zin bin Idris
4. Salih Amaran bin Jamiaan
5. Zaiton binti Mohd Hassan
6. Datuk Ismee bin Ismail
7. Syed Elias Abd. Rahman Alhabshi
8. Rozaida Omar
9. Tan Sri Ismail Adam

Boustead Holdings Bhd

1. Gen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat

2. Tan Sri Dato' Lodin Wok Kamaruddin
3. Dato' Ghazali Mohd Ali
4. Datuk Azzat Kamaludin
5. Dato' (Dr.) Megat Abdul Rahman Megat Ahmad
6. Lt. Gen. (B) Dato' Mohd Yusof Din (R)

CIMB Group Holdings Bhd

1. Tan Sri Dato' Md Nor Yusof
2. Dato' Sri Nazir Razak
3. Dato' Mohd Shukri Hussin
4. Dato' Robert Cheim Dau Meng
5. Hiroyuki Kudo
6. Dato' Hamzah Bakar
7. Dato' Zainal Abidin Putih
8. Datuk Dr. Syed Muhamad Syed A. Kadir
9. Cezar Peralta Consing
10. Glenn Muhammad Surya Yusuf
11. Watanan Petersik

Chemical Company of Malaysia Bhd

1. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
2. Amirul Feisal Wan Zahir
3. Khalid Sufat
4. Dr. Leong Chik Weng
5. Azmi Mohd Ali
6. Kartini Haji Abdul Manaf
7. Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang
8. Datuk R. Karunakaran

Malaysian Airline System Bhd

1. Tan Sri Md Nor Yusof
2. Ahmad Jauhari Yusof
3. Mohamad Rashdan Mohd Yusof
4. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
5. Tan Sri Tan Boon Seng @ Krishnan
6. Dato' Rohana Rozhan
7. David Lau Nai Pek
8. Tan Sri Anthony Francis Fernandes
9. Dato' Kamarudin Meranun
10. Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah

Malaysia Airports Holdings Bhd

1. Tan Sri Datuk Dr. Aris bin Othman
2. Tan Sri Bashir Ahmad bin Abdul Majid
3. Dato' Long See Wool
4. Eshah Meor Suleiman
5. Datuk Siti Maslamah binti Osman
6. Datuk Alias bin Haji Admad
7. Jeremy bin Nasrulhaq
8. Hajah Jamilah binti Dato' Hj Hashim
9. Ahmad Jauhari bin Yahya
10. Mohd Izani Ghani

Malayan Banking Bhd

1. Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor
2. Dato' Mohd Salleh Harun
3. Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar
4. Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A Jalil
5. Dato' Seri Ismail Shahudin
6. Dato' Dr. Tan Tat Wai
7. Zainal Abidin Jamal

Jawapan Akhir

Page 7 of 14

8. Alister Maitland
9. Cheah Teik Seng
10. Dato' Johan Ariffin
11. Sreesanthan Eliathamby
12. Datuk Mohaiyani Shamsudin

Malaysia Building Society Bhd

1. Tan Sri Abdul Halim bin Ali
2. Syed Zaid Bin Syed Jaffar Albar
3. Cindy Tan Ler Chin
4. Datuk Abdullah bin Haji Kuntom
5. Aw Hong BQO
6. Jasmy Ismail
7. Lim Tian Huat
8. Dato' Ahmad Zaini bin Othman

Malaysia Resources Corporation Bhd

1. Tan Sri Azlan Zainol
2. Datuk Mohamad Razeek Hussain
3. Datuk Ahmad Zaki Zahid
4. Shahril Ridza Ridzuan

'M!
|

Jawapan Akhir

5. Dato' Abdul Rahman Ahmad
6. Dato' Ahmad Ibnihajar
7. Che King Tow
8. Dato' Chong Pah Aung
9. Jamaludin Zakaria

Proton Holdings Bhd

1. Dato' Sri Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh
2. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
3. Dato' Michael Lim Heen Peok
4. Dato' Nozirah Bahari
5. Behara Venkata Rama Subbu
6. Tan Sri Rainer Althoff
7. Abdul Rahim Abdul Hamid

Sime Darby Bhd

1. Tun
Musa bin Hitam
2. Tan
Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman
3. Tan Sri Samsudin Osman
4. Tan

Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin

5.

Tan

Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo

6. Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiran
7. Tan Sri Sheng Len Tao
8. Dato' Sri Lim Haw Kuang
9. Dato' Henry Sackville Barlow
10. Sreesanthan Eliathamby
11. Azmi Mohd AN
12. Zaiton Mohd Hassan
13. Dato' Mohd Bakke Salleh

Telekom Malaysia Bhd

1. Datuk
Dr. Halim Shafie
2. Dato'
Sri Zamzamzairani Mohd Isa
3. Datuk
Bazlan Osman
4. Datuk
Zalekha Hassan
5. Datuk
Dr. Rahamat Bivi Yusoff
6. Tunku
Dato' Mahmood FawzyTunku Muhiyiddin
7. Datuk

Nur Jazlan Tan Sri Mohamed

8.

Quah

Roh Keat

9.

Dato' Ir.

Abdul Rahim Abu Bakar

10. Dato' Danapalan Tp Vinggrasalam

11.

Ibrahim

Marsidi

Tenaga Nasional Bhd

1. Tan Sri Leo Moggie
2. Dato' Sri Che Khalib bin Mohamad Noh
3. Dato' Mohammad Zainal bin Shaari
4. Tan Sri Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy
5. Dato' Zainal Abidin bin Putih
6. Dato' Fuad bin Jaafar
7. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
8. Datuk Nozilah Bahari
9. Dato' Ir. Hj. Azman Mohd
10. Dato' Abd Manaf Hashim
11. Chung Hon Cheong

TH Plantations Bhd

1. Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiran
2. Dato' Zainal Azwar Zainal Aminuddin
3. Dato' Paduka Ismee Hj. Ismail
4. Dato' Hj. Wan Zakaria Abd Rahman
5. Datuk Azizan Abd Rahman
6. Mahbob Abdullah

7. Tan Sri Dr. Abdul Samad Haji Alias
8. Dato' Noordin Md Noor
9. Md. Yusof Hussin

UMW Holdings Bhd

1. Tan Sri Asmat bin Kamaludin
2. Datuk Syed Hisham Syed Wazir
3. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin N.Hassan Thani
4. Dr. Leong Chik Weng
5. Dato' Mohd. Nizam bin Zainordin
6. Dato' Siow Kim Lun
7. Khalid Sufat
8. Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
9. Fadzilah Samion

}

!G/r

SOALAN NO.25

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

TARIKH 5 OKTOBER 2011

SOALAN:

DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia akan menggunakan sistem Biometrik dalam pilihanraya yang akan datang.

SOALAN NO.25

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini masih lagi relevan dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, SPR telah memaklumkan bahawa ianya sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya.

SOALAN NO.25

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
: [PETALING JAYA UTARA]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 05/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan;

a) prestasi kewangan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (PROTON) setiap tahun sejak 2006; dan

(b) jumlah perbelanjaan dan kerugian anak syarikat Lotus pada suku

pertama laporan kewangan tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya prestasi PROTON bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Mac sejak 5 tahun lepas adalah cukup memuaskan. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac bagi tempoh 2007 - 2011, kutipan hasil PROTON mencatat peningkatan yang konsisten daripada RM4.687 bilion pada tahun 2007 kepada RM8.969 bilion pada tahun 2011. Keuntungan kendalian meningkat kepada RM214.4 juta pada tahun 2011 berbanding kerugian kendalian sebanyak RM587.6 juta pada tahun 2007, manakala keuntungan bersih pada tahun 2011 adalah sebanyak RM155.6 juta berbanding kerugian bersih sebanyak RM589.5 juta pada tahun 2007.

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON sentiasa peka dengan arena global automotif yang kian sengit. PROTON telah merancang pelbagai inisiatif untuk membolehkannya terus bersaing. Antara inisiatif ini adalah '*business turnaround plan*' (rancangan putaran perniagaan) bagi Lotus iaitu anak syarikat PROTON. Hasil inisiatif ini, PROTON menjangka akan berupaya meraih keuntungan seawal tahun 2013. Inisiatif lain di dalam '*business turnaround plan*' ini, sedang giat dijalankan. Oleh itu, di peringkat permulaan, jumlah sumber yang akan digunakan adalah banyak.

Sebagai sebuah syarikat pembuat kereta sport mewah, pelaburan yang tinggi diperlukan untuk menyiapkan produk jenama Lotus ini. Secara puratanya, sesebuah kereta biasa memerlukan pelaburan di antara RM500 juta ke RM700 juta untuk dibangunkan. Kos bagi membangunkan sebuah kereta sport mewah adalah lebih tinggi. Begitu juga pelaburan untuk produk-produk yang bakal dikeluarkan, terutamanya apabila kemudahan Lotus yang sedia ada perlu diperbaharui, semestinya kos yang perlu dibayar bukanlah satu amaun yang kecil. Dengan pengenalan enam model kereta konsep secara serentak semasa Paris Motorshow 2010 yang lalu, yang disasarkan untuk dipasarkan mulai tahun 2013, jumlah pelaburan yang perlu adalah besar kerana kereta-kereta sport mewah ini akan dibangunkan dalam tempoh yang berdekatan antara satu sama lain.

Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh PROTON sebelum ini, inisiatif-inisiatif di bawah '*business turnaround plan*' Lotus ini dijangka akan menaikkan kos kumpulan untuk tempoh dua hingga tiga tahun. Justeru, perbelanjaan Lotus sebanyak RM244.2 juta, (*unaudited* termasuk kos pentadbiran, jualan dan pemasaran) serta kerugian berjumlah RM72.5 juta (*unaudited*) sebenarnya adalah perancangan yang dibuat mengikut perancangan. Prestasi yang ditunjukkan setakat ini adalah sejajar dengan unjuran yang telah dijangka dan ini menunjukkan bahawa inisiatif-inisiatif ini sedang berjalan lancar.

fij0 , £ o A 2.^

-Ain A I IM -

■“IUi Mum . Zu

-N&r-AUP-r-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]

5 OKTOBER 2011

TARIKH 4052

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan siasatan terhadap skandal seks video yang disyaki adalah Ketua Pembangkang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, satu laporan polis telah dibuat bagi membolehkan siasatan dimulakan terhadap Ketua Pembangkang kerana disyaki tidak memberikan maklumat yang benar berhubung identitinya dalam video tersebut. Kertas Siasatan mengenai perkara ini telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara dan pihak Polis buat masa kini sedang menunggu arahan lanjut dari Jabatan Peguam Negara.

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH 5 OKTOBER 2011

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) rasional pemberian 50 biasiswa elit Jabatan Perkhidmatan Awam kepada mahasiswa-mahasiswi yang sedang melanjutkan pengajian di unversiti-unversiti terkemuka dunia; dan

(b) adakah pemberian 50 biasiswa ini mendiskriminasi pelajar- pelajar lepasan SPM yang tidak berkemampuan walaupun mempunyai keputusan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Program penajaan ke universiti bertaraf *Ivy League* dan terkemuka di luar negara adalah merupakan program sedia ada di bawah tajaan JPA semenjak tahun 2008. Sebanyak 50 penajaan setahun disediakan kepada pelajar yang telah menerima tawaran tanpa svarat (*unconditional offer*) daripada pihak universiti bagi mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di universiti bertaraf *Ivy League* dan setara di luar negara serta kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian tahun dua dan ke atas di sana. Rasional pemberian biasiswa ini adalah bagi menyokong perancangan program di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu mengenal pasti pelajar terbaik Malaysia yang sedang belajar di universiti terbaik luar negara dan menyediakan biasiswa bagi membiayai yuran pengajian di tahun akhir dengan syarat mereka kembali ke tanah air.

(b) Pemberian biasiswa ini tidak mendiskriminasi mana-mana pihak termasuk pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak berkemampuan walaupun mempunyai keputusan yang cemerlang. Ini kerana, Kerajaan turut menyediakan program penajaan lain yang berprestij dan kompetitif bagi pelajar-pelajar ini mengikuti pengajian ke luar negara menerusi Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan dalam negara di bawah Program Ijazah Dalam Negara

(PIDN) termasuk ke Universiti Penyelidikan (*Research Universities*) dan

JAWAPAN:

beberapa IPTS yang diperakukan.

Dasar penajaan sedia ada Kerajaan tidak meminggirkan nasib pelajar-pelajar cemerlang daripada golongan kurang berkemampuan. Penerima biasiswa JPA adalah meliputi pelajar-pelajar cemerlang daripada keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah dari kawasan bandar dan luar bandar yang memenuhi syarat kelayakan minimum berdasarkan empat kategori seperti berikut:

- (i) Kategori 1 - Biasiswa berasaskan kecemerlangan pelajar, sebanyak 20% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Untuk kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%), kokurikulum (10%) dan temu duga (5%). Latar belakang dan kedudukan sosioekonomi calon tidak diambil kira.
- (ii) Kategori 2 - Biasiswa berasaskan komposisi kaum, sebanyak 60% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (75%), kokurikulum (10%), latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan temuduga (5%). Pembahagian biasiswa adalah mengikut peratusan komposisi rakyat Malaysia;
- (iii) Kategori 3 - Biasiswa untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan agihan 5% untuk

NO. SOALAN: ^

Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

- (iv) Kategori 4 - Biasiswa untuk golongan *socially disadvantaged*, sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS

(2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM
BANDAR BARU]

TARIKH 5 OKTOBER 2011 [RABU]

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Nnoordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA
MENTERI menyatakan

- a) apakah langkah yang diambil memandangkan serangan terhadap akidah dan syariat Islam semakin melampau akhir-akhir ini seperti isu dakwah Gereja Methodist, dakwah kristian di kalangan guru-guru tuisyen, munculnya laman-laman web yang menghina Islam dan banyak lagi; dan
- b) bila Kerajaan bercadang menubuhkan Pusat Pemulihan Akidah di setiap negeri bagi membendung krisis akidah umat Islam ini.

|
JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan menyedari berlaku dalam negara ini usaha seperti serangan terhadap akidah dan syariat Islam melalui aktiviti tertentu dan laman sesawang. Fenomena tersebut boleh menggugat peruntukan Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan peruntukan kebolehan agama-agama lain diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Kerajaan menangani perkara ini dengan mengambil dua pendekatan iaitu menggunakan dengan berkesan peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu bekerjasama dengan

NO. SOALAN: ^

Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan berkenaan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Negeri-Negeri dan menggunakan kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama di negeri-negeri.

Disamping itu, Kerajaan juga menggunakan pendekatan dakwah seperti berikut:

- i. mengadakan program pemantapan akidah kepada kumpulan yang berpotensi terdedah dengan fenomena tersebut;
- ii. menjalankan kajian dan mengesan pendekatan berkesan bagi mengawal elemen yang memesongkan akidah ummat Islam.

- iii. memantapkan program pendidikan formal dan tidak formal ke arah umat Islam lebih celik agama;
 - iv. melaksanakan tindakan undang-undang secara bersepadu antara pelbagai agensi Kerajaan peringkat pusat dan negeri;
 - v. membantu meninggikan syiar Islam melalui penganjuran hari-hari kebesaran Islam dan program-program keagamaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
 - vi. mengadakan majlis-majlis penjelasan akidah;
 - vii. memberi penerangan dan penjelasan mengenai penyelewengan akidah kepada umum; dan
 - viii. menerbit dan menyebarkan buku atau risalah berkaitan fahaman akidah serta menyiarkannya menerusi media massa dan elektronik.
- b) **Berhubung dengan cadangan menubuhkan Pusat Pemulihan Akidah di setiap negeri**, hal ini adalah dalam bidang kuasa mutlak negeri-negeri terbabit. Penubuhan Pusat Pemulihan Akidah sesuai ditubuhkan oleh pentadbiran agama negeri disebabkan pengurusannya dapat menggunakan peruntukan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NO. SOALAN: 30

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]
TARIKH 5 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta Perdana Menteri menyatakan status penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang dan adakah Penang Port Sdn Bhd bersedia meyerahkan perkhidmatan feri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang kini di peringkat penilaian.

Tuan Yang Di-Pertua, isu sama ada Penang Port Sdn Bhd bersedia menyerahkan perkhidmatan feri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak timbul memandangkan Penang Port Sdn Bhd mengendalikan perkhidmatan feri berdasarkan kepada lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang kepada syarikat tersebut.

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WONG HO LENG
[SIBU]

TARIKH 5 OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta PERDANA MENTERI

menyatakan bilangan pengundi pos dalam setiap kawasan pilihan raya Parlimen di Sarawak. Daripada bilangan tersebut, berapakah orang Sarawak dan berapakah bukan orang Sarawak. Dalam kes bukan orang Sarawak, sila nyatakan negeri asal mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi pos bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Parlimen di Sarawak seperti mana pada Daftar

SOALAN NO. 31

Pemilih Terkini Sehingga Suku Tahun Kedua Tahun 2011 (sehingga 30 Jun 2011), adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah, manakala SPR tidak mempunyai maklumat mengenai berapa ramai antara pengundi pos ini yang bukan berasal dari negeri Sarawak.

SOALAN NO. 31

Jadual 1

Bil.	Bahagian Pilihan Raya Parlimen	Jumlah Pengundi Pos
1.	P. 192 Mas Gading	100
2.	P. 193 Santubong	136
3.	P. 194 Petra Jaya	601
4.	P. 195 Bandar Kuching	2,142
5.	P. 196 Stampin	4,147
6.	P. 197 Kota Samarahan	4,259
7.	P. 198 Mambong	444
8.	P. 199 Serian	128
9.	P. 200 Batang Sadong	85
10.	P. 201 Batang Lupar	7
11.	P. 202 Sri Aman	1,168
12.	P. 203 Lubok Antu	38
13.	P. 204 Betong	94
14.	P. 205 Saratok	99
15.	P. 206 Tanjong Manis	2
16.	P. 207 Igan	35
17.	P. 208 Sarikei	285

SOALAN NO. 31

Bil.	Bahagian Pilihan Raya Parlimen	Jumlah Pengundi Pos
18.	P. 209 Julau	55
19.	P. 210 Kanowit	59
20.	P. 211 Lanang	629
21.	P. 212 Sibu	3,468
22.	P. 213 Mukah	126
23.	P. 214 Selangau	35
24.	P. 215 Kapit	124
25.	P. 216 Hulu Rajang	40
26.	P. 217 Bintulu	111
27.	P. 218 Sibuti	12
28.	P. 219 Miri	1,359
29.	P. 220 Baram	53
30.	P. 221 Limbang	243
31.	P. 222 Lawas	96
JUMLAH		20,180

Sekian, terima kasih.

NO.fo A LA*/; 7

2 NO. AUM :S0

NOr-AURi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : Y. B HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH 05 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4054

SOALAN :

Y.B Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan yang telah menyerahkan warganegara Malaysia semenjak 1980 hingga sekarang dan telah bermastautin tetap di luar negara dan berapakah dari Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan taraf kewarganegaraan mereka sejak tahun 1980 hingga Ogos 2011 ialah seramai 116,200 orang. Mereka memohon melepaskan taraf kewarganegaraan atas beberapa sebab tertentu.

Dari jumlah tersebut, jumlah yang melepaskan taraf kewarganegaraan yang berasal dari negeri Sabah seramai 41 orang sahaja.

No. So/LAW :
NQ-AUM ■; 33

N6:-AUP-^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH 5 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4055

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa banyak gas pemedih mata telah dilepaskan ke arah penyokong perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil pada 9 Julai 2011, nilai kos sebiji gas tersebut dan di mana ia diperbuat. Berapa orang yang ditahan mengikut jantina, bangsa dan umur mereka dan apakah tindakan mahkamah yang diambil.
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kos sebutir gas pemedih mata jenis *Tear Smoke Shell (TS Shell)* adalah RM 79.76 sebutir manakala kos bagi sebutir *Tear Smoke*

JAWAPAN:

Grenade (TS Grenade) adalah RM 135.00. Kedua-dua jenis gas pemedih mata ini diperbuat oleh syarikat ALS Technologies Inc. dari Amerika Syarikat. Jumlah tembakan yang dilepaskan bagi gas pemedih mata jenis *Tear Smoke Shell (TS Shell)* ialah sebanyak 226 butir dan sebanyak 36 butir gas pemedih mata jenis *Tear Smoke Grenade (TS Grenade)* telah dilepaskan bagi meleraikan perhimpunan.

Jumlah peserta yang telah ditahan kerana menyertai perhimpunan haram BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011 adalah seramai 1,509 orang iaitu 1,412 orang lelaki dan 97 orang perempuan. Dari jumlah tersebut, seramai 1,435 orang Melayu, 21 orang Cina, 29 orang India dan 24 dari lain-lain keturunan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut pecahan umur pula, seramai 761 orang adalah dibawah lingkungan umur diantara 11 tahun hingga 35 tahun, seramai 645 orang adalah dibawah lingkungan umur 36 hingga 60 tahun manakala yang selebihnya iaitu seramai 103 orang adalah berumur 61 tahun dan keatas.

SOALAN 34

PEMERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

DARIPADA PER LISAN
TAN
YA
TARIKH AN
SOALAN Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

5 OKTOBER 2011

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

mengapa Malaysia Tourism Promotion Board membeli pakej keahlian 'Corporate Suite Club' daripada Dewan Filharmonik PETRONAS, berapakah kos pakej tersebut, kegunaan pakej tersebut dan siapakah yang dijemput menggunakan kemudahan

tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia sedang giat mempromosikan segmen "*luxury tourism*" dan seni muzik orkestra klasik dan kontemporari sebagai satu produk pelancongan yang baru dan berpotensi di Malaysia kepada para pelancong yang terdiri dari golongan korporat, ahli perniagaan, peserta M.I.C.E dan juga para penduduk pemaustautin (*country residence*) di Malaysia seperti wakil-wakil kedutaan asing dan profesional serta tidak ketinggalan pelancong-pelancong tempatan yang semakin berminat terhadap seni muzik dan orkestra.

Strategi ini akan dapat meletakkan Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khasnya sebagai "*Attractive Vibrant City*" yang setanding dengan destinasi-destinasi saingan dalam segmen ini seperti Singapura, Hong Kong dan Australia dalam pelancongan seni dan muzik klasik. Produk ini popular di kalangan '*high end tourists*' dan '*cultural tourists*' dari pasaran Eropah, Australia, Jepun, Hong Kong dan juga golongan-golongan pencinta seni dari ASEAN seperti Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia yang gemar menonton persembahan muzik klasikal dan

kontempori.

Oleh yang demikian, bagi maksud mempromosikan segmen ini melalui strategi perhubungan awam dan promosi, Tourism Malaysia telah membeli pakej "*Corporate Suite Club Member*" Dewan Filharmonik PETRONAS (DFP) dengan harga RM75,000 semusim. Ini adalah harga pakej terendah berbanding dengan pakej paling tinggi iaitu RM145,000 semusim.

DFP dipilih kerana ia adalah satu panggung seni yang berprestij tinggi dan berkelengkapan moden yang menyajikan persembahan-persembahan musik orkestra, konsert kontemporari, klasikal tempatan dan antarabangsa yang bermutu tinggi. Ia merupakan ikon yang seharusnya dibangga dan disokong oleh rakyat Malaysia dalam usaha mempromosikan hasil karya seni musik negara kepada para pelancong dalam dan luar negeri.

Logo Tourism Malaysia turut juga dipamerkan di *Ground Floor Foyer, PETRONAS Twin Towers* sebagai satu cara promosi kepada para pengunjung KLCC yang terdiri dari pelancong-pelancong asing dan tempatan bagi menarik minat mereka untuk menyaksikan persembahan-persembahan dari Dewan

Filharmonik PETRONAS dan Malaysian Philharmonic Orchestra.

Tetamu-tetamu Tourism Malaysia yang dijemput ke bilik '*Corporate Suite Club*' ini adalah terdiri daripada wakil kedutaan asing, penggiat industri pelancongan asing, tokoh-tokoh korporat asing, profesional asing dan tetamu khas yang akan membantu Malaysia dalam mempromosikan segmen pelancongan ini, kemudahan serta keunikan DFP di kalangan rakyat negara mereka masing-masing.

Melalui strategi sebegini, ia telah membuka satu ruang baru kepada negara untuk mempromosikan satu lagi segmen pelancongan "*niche*" yang semakin berkembang di kalangan pelancong tempatan dan asing. Ini juga sesuai dan bertepatan dengan Pelan Transformasi Kerajaan melalui *Entry Point Project* (EPP) yang memberi fokus kepada '*luxury tourism*'.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)

NO. SOALAN: 3f*

TARIKH 5 OKTOBER 2011 [RABU]

SOALAN

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah komprehensif yang akan dilakukan untuk memastikan institusi zakat lebih efektif dalam mengagihkan zakat untuk golongan yang layak untuk menerima bantuan kewangan zakat.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal

Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan terbaik bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat masing-masing.

Secara umumnya, terdapat dua kaedah utama pengagihan wang zakat oleh MAIN dan agensi zakat negeri. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui inisiatif pendekatan 'turun padang' oleh pegawai-pegawai pengurusan zakat dengan mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Tindakan ini dilaksanakan menerusi kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini akhirnya dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan Negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada syarat **kelayakan** dan **had**

kifayah yang ditetapkan oleh negeri masing- masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan lapan asnaf yang ditetapkan, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kesempitan hidup.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan. Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.¹

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan

Majlis-Majlis Agama Islam Islam Negeri yang lain agar dapat
memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN YB TUAN LIM KIT SIANG 5 OKTOBER 2011 (RABU)

DARIPADA

TARIKH

SOALAN Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA**

MENTERI

menyatakan sama ada Peguam Negara boleh mengecualikan mantan pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli dari liabiliti jenayah, kalau tidak, kenapa tidak ada lagi pendakwaan terhadap beliau atas laporan polis dan rasuah yang dibuat oleh MAS sekian lama.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kes yang melibatkan mantan pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada tahun 2006. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan, keterangan menunjukkan

NO. SOALAN:

bahawa beliau telah melanggar peruntukan seksyen 131 Akta Syarikat 1965 [Akta 125] iaitu kesalahan melibatkan *'disclosure of interests in contracts, property, offices, etc.*

Kesalahan di bawah peruntukan tersebut merupakan kesalahan yang boleh dikompau dan atas arahan Jabatan Peguam Negara, kes tersebut telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tindakan kompaun dipertimbangkan terhadap beliau.

Memandangkan kes ini juga melibatkan satu tuntutan sivil yang masih belum selesai sehingga kini, maka beliau telah membuat permohonan kepada Jabatan Peguam Negara agar kompaun yang dikenakan terhadapnya ditangguhkan sehingga tuntutan sivil yang berkenaan selesai. Sehubungan dengan itu, Jabatan Peguam Negara telah membenarkan permohonan tersebut dan kompaun yang berkenaan masih ditangguhkan sehingga tuntutan sivil yang berkaitan selesai.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan :
PR-1243-L45476

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

**YB DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.
RAHMAN**

TARIKH

[PENGKALAN CHEPA]

Rabu, 5 Oktober 2011
YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [
Pengkalan Chepa] minta **MENTERI LUAR**
NEGERI menyatakan

SOALAN

[37]

- (a) persiapan yang telah dibuat oleh rombongan bantuan kemanusiaan ke Somalia dari segi keselamatan ahli rombongan dan persiapan sebenar yang patut dan perlu dibuat bagi menghadapi situasi di sana; dan
- (b) langkah-langkah oleh Kerajaan Malaysia dengan pihak Kerajaan Somalia dan Askar Pengaman Afrika

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. **Pengkalan Chepa** bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [**Seputeh**] bertarikh 6 Oktober 2011;
- Y.B. [**Seremban**] bertarikh 12 Oktober 2011;
- Y.B. [**Sipitang**] bertarikh 13 Oktober 2011;
- Y.B. [**Paya Besar**] bertarikh 20 Oktober 2011;
- Y.B [**Jelutong**] bertarikh 31 Oktober 2011;
- Y.B [**Petaling Jaya Selatan**] bertarikh 1 November 2011;
- Y.B [**Tumpat**] bertarikh 30 November 2011;
- Y.B. [**Kota Tinggi**] bertarikh 1 Disember 2011; dan
- Y.B [**Bandar Tun Razak**] bertarikh 20 Oktober, 2 dan 24 November 2011

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Somalia kini dilanda krisis kebuluran yang meruncing dan kian melarat akibat kemarau panjang. Mujurlah dengan adanya bantuan-bantuan kemanusiaan yang disalurkan, situasi kebuluran di negara berkenaan sedikit sebanyak dapat diredakan.

4. Malaysia merupakan sebagai sebuah negara yang amat prihatin berhubung hal ehwal kemanusiaan dan sering memainkan peranan dalam membantu negara dan masyarakat antarabangsa lain yang ditimpa bencana. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi pihak negara kita, Kementerian Luar Negeri telah melancarkan satu kempen untuk mengisi Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri untuk tujuan tersebut, termasuk juga bagi membantu rakyat Somalia yang mengalami krisis kebuluran akibat kemarau yang berlarutan. Kerajaan Malaysia juga telah menyumbang wang tunai sebanyak USD1 juta kepada Tabung Amanah OIC untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa krisis kebuluran di Somalia. Atas dasar kemanusiaan ini juga Kerajaan Malaysia memberi bantuan sebanyak USD1 juta secara, dengan izin, barangan yang diperlu, dengan izin, *in-kind*, untuk membantu mangsa kebuluran di Somalia.

5. Kerajaan sangat berbangga dengan bertambahnya bilangan dan inisiatif oleh badan-badan bukan kerajaan yang menunjukkan keprihatinan dan minat untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa krisis kemanusiaan akibat bencana dan konflik bersenjata di luar negara kita. Ini menunjukkan rakyat Malaysia sememangnya prihatin dan bersimpati ke atas mangsa-mangsa bencana dan konflik tersebut. Atas prinsip keprihatinan serta kemanusiaan inilah, Kelab Putera 1 Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu misi bantuan kemanusiaan ke Somalia dari 28 Ogos hingga 4 September 2011. Perbelanjaan untuk misi ini ditanggung sepenuhnya oleh Kelab Putera 1 Malaysia.
Tuan yang di-Pertua,

6. Sebaik sahaja Kementerian Luar Negeri dimaklumkan bahawa

Kelab Putera 1 Malaysia berhasrat dan akan berangkat ke Somalia dalam beberapa hari untuk menjalankan misi kemanusiaan, Kementerian telah memberikan pandangan dan nasihat berkenaan situasi semasa di Somalia. Khidmat nasihat ini terus diberikan sepanjang misi bantuan kemanusiaan tersebut berada di Somalia. Kementerian ini juga telah mengambil langkah-langkah perlu, terutamanya memastikan aspek keselamatan dititikberatkan memandangkan keadaan politik yang tidak stabil di Somalia.

7. Sebelum misi tersebut berlepas ke Somalia, satu pasukan peninjau telah ditugaskan ke sana bagi menyelaras dan menguruskan aspek-aspek keselamatan, logistik dan perhubungan di Somalia, terutamanya dengan pihak kerajaan tempatan di Mogadishu. Pasukan peninjau ini juga bertindak sebagai pembuka laluan dan saluran komunikasi dengan semua pihak berkaitan di Somalia bagi menjayakan misi bantuan kemanusiaan ini.

8. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, setibanya di Mogadishu, pasukan peninjau ini telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Kerajaan Peralihan Persekutuan, dengan izin, *Transitional Federal Government* (TFG) Somalia, iaitu, TYT Sheikh Sharif Sheikh Ahmed, dan berjaya mendapatkan persetujuan beliau mengenai perkara-perkara berikut:

- a. Kebenaran untuk bantuan kemanusiaan dari Malaysia disalurkan melalui, dan dengan kerjasama Pejabat Presiden TFG;
- b. Kebenaran supaya pesawat C-130 Tentera Udara Diraja

Malaysia (TUDM) memasuki ruang udara dan mendarat di Somalia;

c. Jaminan perlindungan keselamatan bagi semua anggota misi ini dari pihak TFG; dan

d. Kebenaran berkomunikasi dengan agensi-agensi keselamatan Somalia untuk mendapatkan maklumat-maklumat keselamatan pada setiap hari.

9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Presiden TFG telah melantik Timbalan Menteri Perikananannya sebagai Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) bagi mendampingi misi bantuan kemanusiaan ini sepanjang mereka berada di Somalia.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Berkenaan dengan permohonan penggunaan pesawat C130 TUDM oleh Kelab Putera 1 Malaysia, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang permohonan tersebut sewajarnya dan membenarkannya atas faktor keselamatan misi tersebut, dan dengan syarat semua perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh Kelab Putera 1 Malaysia.

11. Saya juga ingin maklumkan bahawa penggunaan aset-aset Kerajaan oleh mana-mana badan bukan kerajaan Malaysia bagi misi bantuan kemanusiaan akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan sekiranya ada permohonan. Namun begitu, keputusan permohonan adalah tertakluk kepada penilaian dan analisis situasi politik

dan keselamatan di lokasi yang dituju oleh Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan. Dalam meluluskan penggunaan aset Kerajaan sebegini, saya ingin menegaskan bahawa semua kos perbelanjaan yang terlibat mestilah ditanggung sepenuhnya oleh badan bukan kerajaan yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Secara keseluruhannya, misi bantuan kemanusiaan Kelab Putera 1 Malaysia telah mencapai matlamat untuk mengagihkan bantuan ke beberapa kem pelarian. Insiden tembakan yang menyebabkan kematian Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor merupakan satu insiden terpencil dan berlaku pada saat-saat akhir misi tersebut selesai dan di luar jangkaan memandangkan kesemua garis panduan dan arahan keselamatan yang dikeluarkan telah dipatuhi. Saya ingin mengambil kesempatan di sini, bagi pihak Kerajaan Malaysia, untuk sekali lagi menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

13. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap insiden yang menimpa Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor telah dilaksanakan. Dalam hal ini, Misi Pengaman Kesatuan Afrika di Somalia, iaitu, AMISOM, pada 26 September 2011 telah secara rasminya mengeluarkan laporan penuh siasatan terhadap empat (4) orang tentera Burundi yang menganggotai AMISOM telah didakwa menembak dan menyebabkan kematian Allahyarham. AMISOM juga telah memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan kejadian ini secara rasmi.

14. Di samping itu, AMISOM juga telah melucutkan jawatan keempat-

empat ahli tentera Burundi tersebut daripada pasukan pengaman AMISOM dan menghantar mereka pulang ke Burundi untuk dibicarakan. Kementerian Luar Negeri akan terus mengikuti perkembangan kes ini sehingga keempat-empat ahli tentera Burundi yang terlibat dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Sehingga kini, selain daripada Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor, terdapat (6) enam orang lagi rakyat Malaysia yang telah terkorban di Somalia, iaitu:

- a. Lima (5) orang anggota Angkatan Tentera Malaysia yang terkorban di dalam misi *United Nations Operation in Somalia* (UNOSOM) (Mac 1993 - Mac 1995); dan
- b. Allahyarham Lt. Komander (B) Rashid Musa yang merupakan pegawai Syarikat KUB Berhad, iaitu sebuah syarikat komunikasi pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua,

16. Kerajaan merasa bangga kerana badan-badan bukan kerajaan di Malaysia menunjukkan keprihatinan untuk membantu mangsa-mangsa krisis kemanusiaan akibat bencana dan konflik bersenjata. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu badan bukan kerajaan berhasrat untuk menjalankan bantuan kemanusiaan mereka secara langsung di negara-negara yang memerlukannya, adalah wajar mereka mempunyai Piawaian Prosedur Operasi (PPO) atau dengan izin, *Standard Operating Procedure*

(SOP). Ini adalah kerana PPO akan membolehkan satu penilaian yang komprehensif dilaksanakan, termasuk penilaian risiko, di samping membantu NGO merancang dan bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam menjalankan misi bantuan kemanusiaan.

17. Susulan daripada misi bantuan kemanusiaan ke Somalia baru-baru ini, Kementerian saya telah mengadakan mesyuarat dengan semua badan-badan bukan kerajaan yang terlibat di dalam misi bantuan kemanusiaan di Somalia. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai pengalaman mereka di sana dan mengambil iktibar daripadanya. Ia juga bertujuan untuk menegaskan kepentingan mempunyai PPO yang menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek persediaan sebelum mana-mana badan bukan kerajaan melaksanakan misi bantuan kemanusiaan mereka di kawasan konflik.
Tuan Yang Di-Pertua,

18. Saya ingin tegaskan bahawa penilaian dan penyediaan menyeluruh untuk melaksanakan sesuatu misi bantuan kemanusiaan adalah amat perlu. Dalam hal ini Kementerian saya akan memberikan nasihat sewajarnya kepada mana-mana badan bukan kerajaan Malaysia yang ingin menjalankan misi bantuan kemanusiaan di luar negara bagi mengelakkan sebarang situasi yang tidak diingini berlaku demi memastikan keselamatan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah
JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

[Igan]

TARIKH 5 Oktober 2011 (Rabu)

SOALAN 38

Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah [Igan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kementerian sedar masalah perkhidmatan feri yang menghubungkan Pulau Brait dan Nangar Kecil di daerah Daro yang kerap mengalami kerosakan dan tidak beroperasi sejak feri tersebut mula dilancarkan, oleh itu adakah Kementerian akan mengarahkan pihak pengusaha feri untuk menambah sebuah lagi untuk menampung keperluan semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertanyaan Yang Berhormat **Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah [Igan]** adalah sama seperti yang dibangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak oleh Yang Berhormat **Encik Murni bin Suhaili [Daro]** pada 23 Jun 2011 dan telah dijawab oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur dan

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perhubungan Sarawak.

Perkhidmatan feri di laluan Pulau Brait dan Nangar Kecil di daerah Daro adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan dikawalselia melalui Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak.

Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa perkhidmatan feri tersebut telah menghadapi masalah operasi pada peringkat awal disebabkan sistem *fender* di jeti berkenaan. Walau bagaimanapun, sistem *fender* berkenaan telah diperbaiki pada April 2011 dan perkhidmatan feri telah pun memulakan operasi. Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak juga sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menambah sebuah lagi feri di laluan tersebut.

Soalan No : 39

DEWAN **LISA** **PEMBERITAHU PERTANYAAN**
PERTANYAAN **N** **RAKYAT**

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG
KATING (KULAI)

DARI **05.10.2011**
PAKSI

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KATING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan konkrit yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan tempat bagi permintaan ibu bapa di Lembah Klang dan bandar di negeri Johor untuk menghantar anak mereka memasuki SJK(C) yang masih tidak mempunyai bilangan yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara dasarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Pada masa sama, KPM perlu mengkaji pelbagai aspek secara menyeluruh sebelum sesuatu kemudahan pendidikan dibangunkan. Adalah menjadi hasrat KPM untuk melahirkan generasi baru yang bersatu padu melalui pendidikan. Justeru, salah satu pendekatan terbaik adalah dengan menubuhkan lebih banyak Sekolah Kebangsaan (SK) untuk semua kaum dan golongan masyarakat yang selari dengan dasar KPM untuk memperkasa SK.

Sebagai langkah untuk terus menjadikan SK sebagai pilihan utama ibu bapa, maka mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di SK akan diperluaskan. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat

diperkasakan di sekolah tersebut. Selain membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum, langkah ini juga bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia. Untuk tujuan tersebut, semua sekolah akan dibekalkan dengan guru opsyen berkenaan secara berperingkat-peringkat untuk mengajar bahasa tersebut.

Rjm 06

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
: [TAIPING]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 05/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah hutang negara yang ditanggung oleh Kerajaan dari 2000 hingga 2011 dan rancangan untuk mengatasi masalah ini

JAWAPAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Jawapan Akhir

Page 2 of

6

DARIPADA

**TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN

LISAN

6

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah hutang negara yang ditanggung oleh Kerajaan dari 2000 hingga 2011 dan rancangan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM437.2 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM421.0 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM16.2 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Maklumat terperinci jumlah hutang Kerajaan Persekutuan daripada tahun

Tahun	Jumlah (RM bilion)
2000	125.6
2001	145.7
2002	165.0
2003	188.8
2004	216.6
2005	228.7
2006	242.2
2007	266.7
2008	306.4 (')
2009	362.4
2010	407.1
Jun 2011	437.2

2000 hingga Jun 2011 adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua,

3. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan ialah:

Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi

menampung

perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai pebelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperolehi melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta

6

peningkatan dalam

pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;

- (ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang. Selain daripada itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan diteruskan bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati oleh golongan sasaran yang seterusnya dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi tahunan Kerajaan;
- (iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambahbaik kedudukan fiskal tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;
- (iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya. Bagi hutang luar negeri, sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negeri secara keseluruhan; dan
- (v) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal serta diuruskan dengan cekap dan berkesan. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Kerajaan juga komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan

Jawapan Akhir
mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.
6

Page 6 of

NO. SOALAN : 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH 5 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4056

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan secara terperinci terhadap dakwaan dua warga Singapura dipaksa ketuk-ketampi dengan berbogel di pusat tahanan. Bagaimanakah mereka boleh melepasi pemeriksaan imigresen di Johor ketika memasuki Malaysia dan berapa insiden pernah dilaporkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil siasatan yang telah dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia mendapati kedua-dua warganegara Singapura tersebut telah ditahan ketika memasuki Malaysia pada 9 Jun 2011. Mereka telah ditahan mengikut Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1959/63 kerana didapati memasuki dan berada di Malaysia tanpa mempunyai Pas yang sah.

Hasil siasatan juga mendapati bahawa kedua-dua warganegara Singapura tersebut telah memasuki Malaysia melalui kaunter pemeriksaan yang telah ditutup. Pada ketika itu, tiada pegawai imigresen yang bertugas di kaunter tersebut.

Sabjek seterusnya telah dibawa ke Depot Tahanan Pekan Nanas dan menjalani prosedur pemeriksaan bagi subjek yang baru tiba di Depot Tahanan. Pemeriksaan tersebut dilakukan oleh Pegawai Imigresen wanita seperti yang dinyatakan dalam Prosedur Operasi Tetap Pengurusan Depot.

Berdasarkan siasatan, pegawai yang terlibat dalam pemeriksaan tersebut telah memastikan tanggungjawab dan tugas tersebut dilaksanakan dengan baik dan teratur.

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 5 OKTOBER 2011

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan

(a) kos dan perbelanjaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam inkues dan Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock termasuk kos untuk mengupah ahli patologi dari United Kingdom, Dr. Peter Vanezis; dan

(b) peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah dan peguam- peguam lain.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung kos dan perbelanjaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam inkues dan Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, kos keseluruhan ahli patologi dari United Kingdom, Dr. Peter Vanezis adalah sebanyak RM90.680.00 yang meliputi

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

perbelanjaan tiket penerbangan, penginapan, perbelanjaan makan minum, pengangkutan dan bayaran khidmat profesional.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi khidmat yang diberikan oleh peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, SPRM telah membayar RM 150,000.00 sebagai bayaran guaman beliau.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

[MACHANG]

TARIKH

5 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini perkhidmatan FBC Media yang dilanggan oleh Kerajaan dan memberikan butiran berhubung nilai sebenar bayaran yang telah dibuat, tempoh kontrak yang dipersetujui, bentuk

NO. SOALAN : 44

perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tempoh kontrak dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh FBC Media.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta.

Di bawah kontrak tersebut, pihak FBC, antara lain, bertanggung jawab, menjalankan kempen komunikasi bagi meningkat profil negara dan menangani persepsi negatif terhadap negara di peringkat antarabangsa. Ia bertujuan untuk mengukuhkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya dan sederhana yang mempunyai masa depan yang cerah. Perancangan komunikasi ini difokuskan kepada pasaran strategik iaitu China, India, Asean, Amerika Syarikat, Negara Teluk, Eropah dan United Kingdom.

Ini perlu kerana adanya pihak di dalam dan luar negara yang dari masa ke semasa membuat laporan dan kenyataan yang menjejaskan imej negara, boleh menghakis keyakinan pelabur dan kedatangan pelancong asing. Laporan dan kenyataan yang mengelirukan dan tidak benar ini bukan saja dilaporkan oleh media asing di dalam media tradisional tetapi di media baru. Kepakaran asing bagi tujuan ini diperlukan kerana mereka lebih arif

dan memahami persekitaran media antarabangsa serta mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu.

Pihak FBC Media telah mengambil pendekatan kepelbagaian dalam melaksanakan perancangan komunikasinya, antaranya, membantu dalam pembabitan Malaysia di forum antarabangsa yang penting, membantu menjalin hubungan dengan pihak dan badan yang berpengaruh serta menyediakan liputan yang meluas mengenai kepentingan Malaysia di media antarabangsa. Perancangan komunikasi FBC Media ini mendukung usaha yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan, kementerian dan agensi dalam lawatan dan misi luar negara mereka.

Sebagaimana kita sedia maklum, selain dasar dan program yang sesuai, strategi komunikasi juga merupakan satu elemen yang penting dalam usaha kita terus meningkatkan profil negara sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan yang menarik.

Sekian, terima kasih.